

**KEMISKINAN DI KALANGAN PENDUDUK-PENDUDUK  
DI KAMPONG CINA BATU 17, PADANG RENGAS, PERAK**

Oleh

**Soong Wan Ying**

**No. Matrik : 048742**

**Latihan Ilmiah**

**Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-syarat  
Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera**

**Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya**

**Sessi 1987/88**

Untuk mereka yang ku amat kasihi:

Buat ayah dan emak yang ku kasihi--- doa dan  
restumu ku harapkan dalam mengejar cita-cita ku

Juga untuk abang serta adik-adik yang ku sayangi

Teristimewanya kepada Lim Hin Fui. Terima kasih  
kerana kalian telah dapat memahami jiwa ku.

Rumah Tinggi  
Jalan 1, 1000  
Johor Bahru  
Johor, Malaysia

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Professor Madya Dr. Mohd. Fauzi Hj. Yaacob, penyelia latihan ilmiah saya di atas bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar bagi menyiapkan latihan ilmiah ini.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada seluruh penduduk Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas yang telah sudi menerima dan memberikan kerjasama semasa kajian dilakukan. Khasnya diucapkan terima kasih kepada En. Chong Wah Hong, ketua kampong, dan pemimpin-pemimpin tempatan yang lain kerana sudi meneman saya semasa menjalankan kajian luar.

Kepada Lim Hin Fui diucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga di atas tunjuk ajar dan pimpinan yang diberi.

Akhir sekali saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada ayah dan ibu yang tidak putus-putus mendorong dan menggalak saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Soong Wan Ying  
Januari 1988  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur.

## SINOPSIS

Kajian ini merupakan **satu kajian kes** yang dirujukkan kepada kemiskinan di **Kampong Cina Batu 17**, Padang Rengas. Pada **keseluruhannya**, tulisan ini mengkaji keadaan, sebab-sebab dan kesan-kesan kemiskinan.

Dari penemuan-penemuan pengkaji, adalah didapati bahawa kadar kemiskinan di kalangan isirumah tempat kajian adalah tinggi, iaitu 32.5 peratus. Kemiskinan jika dilihat dari segi ekonomi adalah sangat dipengaruhi oleh masalah kekurangan tanah dan peluang pekerjaan di sekitar kawasan kajian. Di samping itu, dari segi kemudahan-kemudahan asas di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas ini amat kekurangan.

Masalah kemiskinan telah membawa kesan-kesan kepada penduduk-penduduk di kampong ini. Disebabkan kemiskinan, kebanyakan penduduk hanya mencapai taraf pelajaran yang rendah. Kekurangan tanah dan peluang pekerjaan yang lain menyebabkan generasi muda terpaksa bermigrasi ke bandar untuk mencari nafkah. Sungguhpun demikian, kadar pengangguran adalah masih tinggi, iaitu 13.7 peratus kerana peluang pekerjaan yang makin berkurangan di sekitar kampong. Akhir sekali, kemiskinan telah mengakibatkan lebih kurang separuh daripada jumlah isirumah dalam kampong ini berhutang.

Kesimpulannya, hasil kajian ini menyokong teori-teori kekurangan teknologi dan kapital, ketidakaksamaan ekonomi dan sosial dalam menerangkan kemiskinan di kampung ini. Adalah didapati bahawa penambahan bilangan penduduk adalah separuh benar dalam penerangan kemiskinan. Sementara itu, teori ciri-ciri personaliti dan kebudayaan tidak dapat diapplikasikan dalam kajian ini.

#### 3.1 Kajian Pendek

##### 3.1.1 Pendekatan

###### 3.1.1.1 Pendekatan Klasikal

###### 3.1.1.2 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

###### 3.1.1.3 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

###### 3.1.1.4 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

###### 3.1.1.5 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

##### 3.1.2 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

###### 3.1.2.1 Pendekatan

###### 3.1.2.2 Pendekatan

##### 3.1.3 Pendekatan Klasikal

##### 3.2 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

###### 3.2.1 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

###### 3.2.2 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

###### 3.2.3 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

###### 3.2.4 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

##### 3.3 Pendekatan

###### 3.3.1 Pendekatan

###### 3.3.2 Pendekatan

###### 3.3.3 Pendekatan

###### 3.3.4 Pendekatan

##### 3.4 Pendekatan Klasikal dan Klasikal-

##### 3.5 Pendekatan

###### 3.5.1 Pendekatan

###### 3.5.2 Pendekatan

## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	viii

### BAB SATU : PENGENALAN

1.1 Ojektif Kajian	1
1.2 Metodologi	4
1.21 Kawasan Kajian	4
1.22 Cara-cara Mengumpul dan Menganalisa Data	5
1.23 Masalah Yang Dihadapi Dalam Menjalankan Kajian	6
1.24 Pembahagian Bab Dalam Kajian ini	7
1.3 Definisi Operasional Konsep-konsep Penting	8
1.31 Kemiskinan	8
1.32 Isirumah	11
1.4 Teori-teori Kemiskinan	11

### BAB KEDUA: SEJARAH PEMBANGUNAN KAMPONG CINA BATU 17

2.1 Pengenalan	19
2.2 Sejarah Penempatan Semula Di Semenanjung Malaysia	19
2.3 Sejarah Penempatan Semula Setinggan Cina Di Kampong Cina Batu 17	24
2.4 Kesimpulan	30

### BAB KETIGA: KEADAAN SOSIO-EKONOMI SEMASA

3.1 Pengenalan	33
3.2 Pemilikan Tanah Pertanian	33
3.3 Sumber-sumber Pendapatan Isirumah	36

<b>3.4 Pendapatan Isirumah dan Pendapatan Per kapita Isirumah Sebulan</b>	<b>37</b>
<b>3.5 Kadar dan Profail Kemiskinan</b>	<b>40</b>
<b>3.6 Kesimpulan</b>	<b>45</b>
 <b>BAB KEEMPAT: SEBAB-SEBAB DAN KESAN-KESAN KEMISKINAN</b>	
<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>46</b>
<b>4.2 Sebab-sebab Kemiskinan</b>	<b>46</b>
<b>4.21 Kekurangan Tanah</b>	<b>46</b>
<b>4.22 Peluang Pekerjaan Terhad</b>	<b>53</b>
<b>4.3 Kesan-kesan Kemiskinan</b>	<b>55</b>
<b>4.31 Taraf Pencapaian Pelajaran Yang Rendah</b>	<b>55</b>
<b>4.32 Migrasi</b>	<b>58</b>
<b>4.33 Pengangguran</b>	<b>61</b>
<b>4.34 Berhutang</b>	<b>62</b>
<b>4.4 Kesimpulan</b>	<b>63</b>
 <b>BAB KELIMA: KESIMPULAN</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	
<b>I Soal Selidik</b>	<b>69</b>
<b>II Pengiraan Garis Kemiskinan</b>	<b>74</b>
<b>III Profail Kemiskinan Di Kalangan Isirumah Pada Garis Kemiskinan \$75 Per Kapita Seisirumah, Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987</b>	<b>76</b>
<b>Rujukan</b>	<b>78</b>

## **Senarai Jadual**

Jadual 1.1: Kadar Kemiskinan Mengikut Kawasan-kawasan Bandar dan Luar Bandar di Semenanjung Malayaia Pada Tahun 1970, 1976 dan 1980	2
Jadual 2.1: Pekerjaan Penduduk-penduduk Di Kawasan Penempatan Semula, 1952	23
Jadual 2.2: Kawasan Penempatan Semula Mengikut Kumpulan Etnik, 1952	24
Jadual 3.1: Pola Pemilikan Tanah Pertanian Mengikut Keluasan Bagi 40 Isirumah Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	34
Jadual 3.2: Jenis Pekerjaan Tenaga Buruh Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	34
Jadual 3.3: Sumber-sumber Pendapatan Purata Sebulan Isirumah Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	37
Jadual 3.4: Pendapatan Purata Isirumah Sebulan Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987 dan Semenanjung Malaysia, 1984	38
Jadual 3.5: Pengagihan Pendapatan Purata Isirumah Sebulan Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	39
Jadual 3.6: Pengagihan Pendapatan Purata Per Kapita Isirumah Sebulan Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	40
Jadual 3.7: Ciri-ciri Terpilih Di Kalangan Isirumah Yang Miskin Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	41
Jadual 4.1: Taburan Peratus Penduduk-penduduk Mengikut Pencapaian Pelajaran Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	56
Jadual 4.2: Migrasi Keluar Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	60

Jadual 4.3: Jenis Pekerjaan Yang Dipereleh Migran Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	61
Jadual 4.4: Jumlah Hutang dan Peratus Isirumah Yang Berhutang Kepada Kedai Runcit Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987	63

**Lingkaran Kemiskinan**

Peratusan penduduk Malaysia yang hidup dalam kemiskinan pada tahun 1999 adalah 10.5% berbanding dengan 10.8% pada tahun 1998. Selain itu, peratusan penduduk Malaysia yang hidup dalam kemiskinan pada tahun 1999 adalah 10.5%, dan pada tahun 1998 sebanyak 10.8%. Tingkah laku ekonomi negara, kesejahteraan rakyat dan faktor-faktor ekonomi lainnya mempengaruhi peratusan penduduk yang hidup dalam kemiskinan. Pada tahun 1999, peratusan penduduk yang hidup dalam kemiskinan di Sabah adalah 10.7%, dan di Sarawak adalah 10.9%. Peratusan penduduk yang hidup dalam kemiskinan di Negeri Sembilan adalah 9.9%, dan di Kelantan adalah 10.2%. Peratusan penduduk yang hidup dalam kemiskinan di Johor adalah 10.6%, dan di Perak adalah 10.4%. Peratusan penduduk yang hidup dalam kemiskinan di Pulau Pinang adalah 10.1%, dan di Kuala Lumpur adalah 10.3%. Peratusan penduduk yang hidup dalam kemiskinan di negeri-negeri lainnya adalah 10.6%.

## BAB SATU

### PENGENALAN

#### 1.1 OBJEKTIF KAJIAN

Sejak kemerdekaan, Malaysia telah mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang agak menggalakan. Sepanjang dekad 1960an, kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Dalam Negeri ialah 6.4%<sup>1</sup>. Bagi dekad 1970an kadarnya ialah 7.8%.<sup>2</sup> Bagi tempoh 1980-1985, walaupun menurun ianya masih lagi mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi iaitu 5.8%.<sup>3</sup> Sungguhpun demikian, masalah kemiskinan masih merupakan suatu masalah yang serious di negara kita. Jadual 1.1 menunjukkan kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurangan dari 49.3 % pada tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1984. Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar pula telah berkurang daripada 58.7% pada tahun 1970 kepada 47.8% pada tahun 1976 dan seterusnya kepada 24.7% pada tahun 1984. Kadar kemiskinan di bandar pula telah berkurang daripada 21.3% pada tahun 1970 kepada 17.9% pada tahun 1976 dan 8.2% pada tahun 1984. Ini menunjukkan bahawa keadaan kemiskinan masa kini adalah lebih serious di luar bandar, iaitu 24.7% berbanding dengan 8.2% di bandar. Oleh yang demikian, adalah penting bagi kita untuk memahami masalah kemiskinan sedalam-dalamnya supaya cita-cita pembasminan kemiskinan yang tercatit dalam Dasar Ekonomi Baru akan tercapai.

Kebanyakan dari kajian-kajian lalu mengenai kemiskinan di Malaysia adalah tertumpu kepada penghuraian masalah kemiskinan orang Melayu di luar bandar. Secara amnya, kajian kemiskinan dapat dikatakan sebagai tertumpu kepada tiga golongan, iaitu golongan penanam padi,<sup>4</sup> nelayan<sup>5</sup> dan penoreh getah.<sup>6</sup> Sungguhpun demikian, pada akhir-akhir ini kajian kemiskinan di kalangan orang Melayu di bandar, iaitu setinggan, juga dijalankan.<sup>7</sup> Kajian-kajian kemiskinan ini juga dijalankan oleh mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaya.<sup>8</sup> Secara umumnya, sebab kemiskinan di kalangan orang Melayu ini ialah kekurangan tanah, saiz tanah yang kecil, kekurangan modal dan penglibatan dalam pekerjaan yang mendatangkan pendapatan yang rendah. Kemiskinan ini telah mengakibatkan mereka berhutang.

Kemiskinan di kalangan orang-orang bukan Melayu tidak begitu banyak dijalankan. Di kalangan orang India, Rabindra (1978)<sup>9</sup> telah mengkaji masalah sosio-ekonomi pekerja estet getah dan kelapa sawit. Hasil kajian beliau menunjukkan empat aspek utama, iaitu pendapatan yang rendah tetapi perbelanjaan tinggi, masalah kesihatan terancam, kesekitaran perumahan yang sesak dan kotor serta mobiliti sosial yang terhad.

Di kalangan orang Cina pula, satu kajian oleh Cheng (1976)<sup>11</sup> di luar bandar menunjukkan bahawa kekurangan tanah pertanian mengakibatkan penghuni-penghuni melibatkan diri dalam pekerjaan bukan

pertanian. Di kalangan orang Cina di bandar pula, kajian Chan (1980) menerangkan bagaimana kehidupan penduduk-penduduk di jetti Pulau Pinang bertambah susah kerana peluang pekerjaan makin berkurangan. Keadaan ini berlaku kerana proses modenisasi pelabuhan yang berlaku. Akibatnya, mereka terpaksa melibatkan diri dalam pekerjaan yang mendatangkan pendapatan yang rendah dan tidak stabil.

Walaupun kedua-dua kajian tersebut berkait dengan kemiskinan, kelemahan mereka ialah tidak ada analisis mengenai betapa miskinnya penduduk-penduduk di kawasan kajian mereka. Laporan rasmi telah menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di kalangan orang Cina di luar bandar adalah serious, iaitu 58% pada tahun 1970 di Kampong-kampong Baru.<sup>12</sup> Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk menerangkan keadaan kemiskinan di kalangan orang Cina di luar bandar, sebab-sebab kemiskinan dan kesan-kesannya. Kawasan kajian yang dipilih untuk mengkaji masalah kemiskinan orang Cina ialah komuniti Cina di Batu 17 Padang Rengas.

## 1.2 METODOLOGI

### 1.2.1 Kawasan Kajian

Kawasan Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas ini dipilih kerana beberapa sebab, iaitu lokasi, kewangan dan masa kajian. Kampong ini adalah kecil, hanya mempunyai 43 isirumah. Ini bermakna tempat kajian adalah

lebih senang dikawal supaya **kajian intensif** dapat dijalankan. Jarak kawasan **kajian adalah dekat** dengan kampong halaman saya. Ini juga **bermakna tidak banyak** perbelanjaan perlu dihabiskan. Akhir sekali, oleh kerana masa kajian adalah terhad, iaitu dua bulan dalam cuti panjang semester, adalah memudahkan bagi saya memilih kawasan yang sudah diketahui.

### **1.22 Cara-cara Mengumpul dan Menganalisis Data**

Data yang di kumpul dalam kajian ini merangkumi dua aspek, iaitu data primary dan data sekunder. Pengutipan data primary merangkumi tiga cara, iaitu pemerhatian-ikut-serta, temu bual dan soal selidik. Sepanjang jangka waktu kajian lapangan dijalankan, cara pemerhatian-ikut-serta dan temubual digunakan untuk mengumpul data. Oleh kerana kawasan kampong ini dekat dengan rumah saya, saya berulang-alik antara rumah saya dengan kawasan kajian setiap hari. Ini bermakna saya berada di kawasan kajian sebelah siang hari dan balik ke rumah sendiri pada sebelah malam. Dengan cara ini pengkaji dapat bercampur gaul dengan penduduk-penduduk tempatan dan seterusnya menyakinkan mereka tentang tujuan kajian ini. Data sekunder ialah data-data yang dikumpul dari latihan ilmiah, artikel, tesis, buku, laporan rasmi, kertas kerja, majalah, suratkhabar dan sebagainya. Kedua-dua cara pengutipan data ini membolehkan saya mengumpul lebih banyak data mengenai latar belakang sejarah pembangunan kampong, cara hidup

dan masalah sosio-ekonomi. Pada bulan kedua, pengkaji mengendalikan satu soal selidik (lihat Lampiran I) ke atas 40 isirumah, iaitu 93.0% dari jumlah isirumah di kawasan kajian.

### **1.23 Masalah Yang Dihadapi Dalam Menjalankan Kajian Luar**

Masalah utama yang dihadapi semasa menjalankan kajian ialah kesahihan dan ketepatan jawapan yang diberikan oleh responden. Soalan-soalan dalam soal-selidik terutamanya soalan peribadi yang memerlukan penjelasan yang panjang lebar seperti pendapatan dan pemilikan harta benda.

Masalah kedua yang dihadapi ialah responden tidak berada di rumah semasa lawatan. Oleh itu, pengkaji telah melawat responden yang berkenaan beberapa kali.

Masalah ketiga ialah responden tidak berpelajaran atau buta huruf. Maka perlulah pengkaji menerangkan setiap soalan dengan panjang lebar kepadanya.

Masalah keempat yang dihadapi ialah beberapa orang responden telah tidak memberi kerjasama yang memuaskan. Ini disebabkan mereka itu masih belum mempunyai keyakinan yang cukup bahawa soal selidik yang dijalankan tidak akan mendatangkan apa-apa keburukan. Oleh itu jawapan yang diberi itu adalah tidak lengkap. Dengan itu, pengkaji tidak mengambilkira jawapan mereka dalam analisis kajian. Sungguhpun demikian, pada

keseluruhannya, responden yang lain telah memberi kerjasama yang memuaskan. Soal selidik yang dijalankan atas mereka juga dijawap dengan baik.

#### **1.24 Pembahagian Bab Dalam Kajian Ini**

Dengan penghurain tumpuan kajian ini, latihan ilmiah ini dibahagikan kepada bab-bab berikut untuk analisis selanjutnya.

Bab kedua menerangkan latarbelakang kawasan kajian, iaitu sejarah, lokasi dan penempatan rumah-rumah di kawasan itu. Di samping itu juga, bab ini membincangkan kemudahan-kemudahan asas yang ada di kampung itu, iaitu bekalan air dan letrik, jalanraya dan pengangkutan dan lain-lain.

Bab ketiga membincangkan kedudukan sosio-ekonomi penduduk dari segi ciri-ciri isirumah seperti umur, pekerjaan, pendapatan, pendidikan, pemilikan tanah dan harta yang lain. Satu profail isirumah yang miskin dan sebab-sebab kemiskinan diterangkan.

Dalam bab keempat perbincangan ditumpu kepada kesan-kesan kemiskinan, iaitu masalah keciciran, migrasi dan mobiliti sosial di kalangan penduduk-penduduk kawasan kajian.

Bab kelima merumuskan hasil kajian dan pengkaji cuba mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi.

### **1.3 DEFINISI OPERASIONAL KONSEP-KONSEP PENTING**

Dua konsep yang penting dalam kajian ini, iaitu kemiskinan dan isirumah, akan diberi definisi seperti berikut.

#### **1.31 Kemiskinan**

Di dalam International Encyclopedia of Social Science telah didefinisikan kemiskinan sebagai

" Not merely economic inequality (of poverty, income, living standard etc. ) but also social inequality, dependence or exploitation. " (1968 : 398 Vol 12 ).

Definisi kemiskinan yang dianggap terbaik dari segi antropologi dan sosiologi ialah seperti yang diperkatakan oleh Dudy Jackson<sup>13</sup>,

"..... inadequate social functioning, not being gainfully employed, nor able to maintain a household, nor engaged in satisfying personal and social relationship."

Bagi Jackson, pendapatan bukanlah merupakan faktor yang paling penting dalam menentukan kemiskinan.

Sarjana tempatan seperti Kamal Salih (1983)<sup>14</sup> mendefinisikan golongan miskin sebagai,

1. golongan yang tidak mempunyai keupayaan pendapatan.
2. golongan yang tidak mempunyai 'acess' kepada sumber-sumber kuasa sosial, kuasa politik, milikan punca-

punca keluaran, pendidikan dan lain-lain.

3. golongan yang tidak mempunyai keperluan-keperluan asas seperti perlindungan, permakanan, pendidikan asas, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya yang mencukupi, mengikut ukuran-ukuran sara hidup sesuatu bandar atau luar bandar.

Tidak terdapat satu takrif kemiskinan yang khusus yang boleh digunakan untuk semua negara pada suatu masa tanpa mengambilkira struktur masyarakat dan tahap pembangunan di negara berkenaan. Kemiskinan menggambarkan serta merangkumi berbagai keadaan sosio-ekonomi dan budaya. Secara umumnya, kemiskinan itu merupakan keadaan di mana,

- (a) wujudnya kekurangan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, perumahan serta pakaian dan kemudahan-kemudahan sosial seperti air, letrik, hospital serta sekolah,
- (b) dari segi ekonomi, keadaan ini timbul sebab ketiadaan atau kekurangan kemampuan di sebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah dan
- (c) dari segi sosial golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan bawahan dalam sistem pelapisan.

Dua konsep kemiskinan yang biasa digunakan ialah kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak berasaskan konsep secukup hidup. Konsep kemiskinan mutlak telah di terima dengan meluas kerana

ianya bertujuan menjelaskan kemiskinan sebagai kekurangan pendapatan yang di perlukan untuk memenuhi keperluan-keperluan sara hidup yang minima. Ukuran kemiskinan mutlak yang kerap digunakan ialah kadar kemiskinan, iaitu peratusan penduduk atau isirumah yang mempunyai taraf hidup yang lebih rendah daripada garis kemiskinan yang ditentukan. Pendapatan garis kemiskinan ialah satu tingkat pendapatan sesebuah isirumah untuk membolehkannya, secara purata, menikmati makanan berzat yang mencukupi yang biasanya ditakrif mengikut kiraan kalori. Garis kemiskinan ini boleh juga mengambilkira jenis-jenis perbelanjaan yang lain untuk mengekalkan sesuatu taraf hidup yang memuaskan berdasarkan norma-norma yang sedia ada.

Konsep kedua ialah kemiskinan relatif, yang merupakan keadaan yang tidak seimbang di kalangan berbagai golongan pendapatan. Ukuran yang biasa digunakan ialah insiden kemiskinan, iaitu bilangan isirumah miskin dalam sesebuah kawasan sama ada negeri atau daerah berbanding dengan jumlah isirumah miskin keseluruhannya.

Garis kemiskinan yang digunakan oleh kerajaan tidak diterangkan dalam rancangan-rancangan lima tahun seperti Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima. Walaubagaimana pun, Anand telah menggunakan garis kemiskinan untuk menganalisis keadaan kemiskinan di Malaysia pada tahun 1970. Dalam kajian ini,

pengkaji akan menggunakan garis kemiskinan yang digunakan oleh Anand untuk mengukur kemiskinan, iaitu \$33 per kapita seisirumah.<sup>15</sup> Setelah mengambil kira kenaikan harga barang maka garis kemiskinan pada bulan Mei 1987 ialah \$75 per kapita isirumah (lihat Lampiran II).

### **1.32 Isirumah**

Konsep isirumah yang digunakan adalah mengikut takrif Banci Penduduk dan Perumahan 1980. Ianya didefinisikan sebagai orang-orang yang tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makan dan lain-lain keperluan hidup. Orang-orang yang tinggal bersama dalam sesuatu isirumah mungkin bersaudara atau tidak, atau kombinasi kedua-duanya. Dalam kajian ini konsep isirumah yang digunakan ini untuk menunjukkan kepada tempat kediaman persendirian, bertentangan dengan isirumah-isirumah institusi seperti yang terdapat di asrama dan hostel.

### **1.4 TEORI-TEORI KEMISKINAN**

Dalam percubaan untuk membahaskan gejala kemiskinan, muncul teori-teori yang memberi huraian bagi membantu perancangan pembangunan untuk mengatur strategi dengan lebih berkesan. Bermacam saranan dan teori telah dikemukakan untuk memahami sebab-sebab atau punca-punca kemiskinan. Menurut Professor Syed Husin Ali, teori-teori utama boleh digolongkan seperti berikut:<sup>16</sup>

1. teori ciri-ciri personaliti dan kebudayaan


2. teori kekurangan teknologi dan kapital
3. teori penambahan bilangan penduduk
4. teori ketidaksamaan ekonomi dan sosial

Teori ciri-ciri personaliti dan kebudayaan mengemukakan bahawa kemiskinan sebenarnya berpunca dari beberapa sifat atau ciri-ciri yang terdapat di kalangan orang-orang perseorangan dan kebudayaan mereka; sifat-sifat dan ciri-ciri ini dianggap sebagai bercorak negatif dan menyekat usaha-usaha untuk mendapatkan kekayaan serta kemajuan. Misalnya, sering dikatakan bahawa sesuatu golongan orang atau masyarakat mempunyai sifat malas, pemboros, percaya kepada nasib dan rezeki, tidak mempunyai dorongan yang tinggi dan sebagainya. Sifat-sifat ini dianggap sebagai wujud di dalam pemikiran anggota-anggota masyarakat dan merupakan lanjutan daripada pengaruh kebudayaan lama dan usang. Oleh sebab itu disarankan betapa perlunya diubah cara pemikiran itu supaya menjadi moden dan lebih sesuai untuk mencapai kekayaan dan kemajuan ekonomi.

Di Malaysia, teori ini telah digunakan untuk menerangkan kemiskinan di kalangan orang Melayu seperti yang dilakukan oleh Parkinson dan Swift.<sup>17</sup> Menurut mereka, kemiskinan orang Melayu adalah disebabkan sikap tidak mahu berubah dalam bidang ekonomi dan sikap terus mengamalkan budaya yang lama. Kelemahan penerangan

mereka telah dikritik oleh Professor Syed Husin Ali.<sup>18</sup>

Teori kekurangan teknologi dan modal berkait dengan teori vicious circle of poverty atau lingkaran kemiskinan yang tidak berhujung. Teori ini menyatakan bahawa salah satu faktor menyebabkan kemiskinan ialah daya pengeluaran yang rendah. Di negara-negara Dunia Ketiga yang umunya bergantung luas kepada pertanian, didapati bahawa pengeluaran bagi tiap-tiap unit pertanian yang tertentu adalah rendah disebabkan oleh kekurangan teknologi dan modal. Itulah sebabnya pengeluaran di negara-negara ini jauh lebih rendah daripada apa yang diperolehi bagi luas tanah yang sama di negara-negara maju di Barat. Akibatnya mereka berpendapatan rendah, dan ekoran daripada itu simpanan mereka juga rendah. Contohnya teori ini telah digunakan untuk menerangkan kemiskinan di kawasan luar bandar di negara-negara sedang membangun.<sup>19</sup>



Rajah 1: Lingkaran Kemiskinan

Sumber: Meir, G. dan Balwin, R.E., Economic Development: Theory, History and Policy, New York: Robert E. Krieger Publishing Company, 1975.

Pada dasarnya teori penambahan bilangan penduduk ini menekankan bahawa punca kemiskinan ialah penambahan bilangan penduduk yang lebih cepat daripada perkembangan ekonomi. Jikalau kadar kahiran, misalnya, lebih tinggi dari kadar pembukaan tanah, atau daripada kadar penambahab pengeluaran kasar negara, maka tentulah luas tanah yang boleh dimiliki satu-satu keluarga, atau pendapatan per kapita akan bertambah kecil dari setahun ke setahun. Oleh itu disarankanlah bahawa untuk mengatasi masalah ini, perlu diutamakan perancangan keluarga, supaya penambahan bilangan penduduk itu terkawal. Contohnya, teori ini digunakan untuk menerangkan kemiskinan di negara-negara sedang membangun yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai.<sup>20</sup>

Menurut teori struktur ketidaksamaan ekonomi dan sosial pula, kemiskinan disebabkan ketidaksamaan ini memang wujud dalam struktur susunlapis antarabangsa dan juga struktur susunlapis masyarakat setempat. Susunlapis pada kedua-dua peringkat ini tegak atas dasar penindasan. Maksudnya, negara yang kaya menindas negara yang miskin untuk mandapat kekayaan, dan begitu juga lapisan atasan yang kaya menindas lapisan bawah yang miskin untuk kemewahannya.

Dalam negara-negara Dunia Ketiga, yang ekonominya lebih bercorak pertanian, kelihatan bahawa penindasan yang dilakukan oleh tuan tanah, orang tengah dan peminjam wang itu paling ketara pada golongan yang

miskin. Misalnya, Professor Diraja Ungku Aziz menerangkan pendapatan rendah yang diterima oleh orang Melayu luar bandar adalah disebabkan eksloitasi orang tengah.<sup>21</sup> Bagi Professor Syed Husin Ali pula, kemiskinan orang Melayu dikaitkan dengan sistem fuedalisme dan sejarah perkembangan sistem kapitalisme.<sup>22</sup>

Sebenarnya setiap teori ini tidak wujud secara berasingan, bahkan kebanyakan ahli sains sosial cuba mentafsirkan punca kemiskinan dengan mengemukakan kombinasi dari beberapa teori tersebut di atas.

## Nota Kaki

<sup>1</sup>Malaysia, Rancagan Malaysia Pertama, 1965, m.s.20.

<sup>2</sup>Malaysia, Rancagan Malaysia Kedua, 1970, m.s. 31.

<sup>3</sup>Malaysia, Rancagan Malaysia Ketiga, 1981, m.s. 12.

<sup>4</sup>Lihat Wilson, P.J. A Malay Peasant Village in Malaysia, Social Values and Rural Development, New Haven, 1966 dan Lim Teck Ghee dan lain-lain, "Accumulation of Padi Land in the Muda Region: Some Findings and Thoughts On Their Implications for Peasantry and Development", Akademika, Vol. 20 dan 21, 1982, m.s. 263-325.

<sup>5</sup>Lihat Alang Perang Zainuddin, dan lain-lain, Marine Fishing Communities: A Baseline Study of Two East Coast Villages in Peninsular Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia: Center for Extension and Continuing Education, A Report, 1980 dan Ishak Shari, Perubahan Ekonomi Kelantan dan Ketidaksamaan Dalam Masyarakat Melayu Perupok, Tesis Falsafah Kedoktoran, Universiti Malaya, 1985.

<sup>6</sup>Lihat Husin Ali, Malay Peasant Society and Leadership, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975 dan Abu Asmara Mohamed, Inequality and Poverty Among Rubber Smallholders in Malaysia, Ph. D. Thesis, University of Kent, 1982.

<sup>7</sup>Lihat Yusuff Suratman, Kemiskinan Di Kalangan Orang Melayu di Bandar: Satu Kajian Kes Setinggan Di Bandar Johor Baru, M.A. Thesis, Universiti Malaya.

<sup>8</sup>Lihat Wan Kadir Wan Deraman, Kemiskinan Tanah di Kalangan Petani, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan sosiologi, U.M. 1973/74; Kamaruddin Mahd. Said, Struktur Pemilikan Tanah dan Kemiskinan Masyarakat Tani di Kelantan, 1974/75; Salehuddin Bahuri, Poverty in the Rural Malay Society : A Test of Psychological and Cultural Explanations of Poverty. 1975/76; Md. Muzahet Hj. Musruri, Kedudukan Sosio-ekonomi Petani-petani Padi di Kampong Sungai Balang Muar. (satu kajian mengenai kemiskinan) 1976/77; Selmiah Hasin, Kemiskinan di Kuala Perlis. (satu tinjauan dari segi Culture of Poverty) 1976/77; Zaiton Bt. Din, Kemiskinan di Kalangan Penoreh Getah. (satu kajian kes di Kampong Batu

Melintang Tapak, Perak). 1985/86; Hittayatullah Bin Haji Hassan, Kemiskinan di Kalangan Petani Dan Belia.(satu kajian kes di Kampong Baharu Batu 28, Laga, Muar) 1985/86 dan Awang Kechik Ahmad, Kemiskinan asas. (satu kajian di Kampong Alor Serdang, Mukim Salu Kechil, Kedah). 1985/86.

<sup>9</sup>Rabindra, D.R., A Socio-economic Study of Indians in the Rubber and Oil Palm Estates of Perak and Selangor, M.A. Thesis, Universiti of Malaya, 1978.

<sup>10</sup>Cheng Lim Keak, Mengkuang: A Study of a Chinese New Village in West Malaysia, Singapore: Nanyang University, Institute of Humanities and Social Sciences, Research Project Series, No. 1, 1976.

<sup>11</sup>Chan Lean Heng, The Jetty Dwellers of Penang: Incorporation and Marginalisation of An Urban Clan Community, M.A. Thesis, Universiti Sains Malaysia, 1980.

<sup>12</sup>Malaysia, Mid-term Revies of Second Malaysia Plan, 1977.

<sup>13</sup>Jackson D. Poverty, MacMillan : New York, 1972.

<sup>14</sup>Kamal Salih, Konsep, Definisi dan Pengukuran Kemiskinan, dalam seminar kemiskinan luar bandar, Alor Setar, 1983.

<sup>15</sup>Anand, S., Inequality and Poverty in Malaysia, A World Bank Research Publication, Oxford University Press, 1983, m.s. 71.

<sup>16</sup>Husin Ali, "Poverty: Social and Political Dimensions", kertas kerja yang dibentangkan di ISIS First National Conference On Poverty, Kuala Lumpur, 1986.

<sup>17</sup>M. G. Swift, Malay Peasant Society in Jelebu, London School of Economics, Monograph on Social Anthropology, 1965 dan Parkinson, B.K., "Non-Economic Factors in Economic Retardation of the Rural Malays", Modern Asian Studies, London, Vol.1 No.1 1973.

<sup>18</sup>Husin Ali, S., "Land Concentration and Poverty Among the Rural Malays", Nusantara, Vol. 1., 1972 m.s. 100-

<sup>19</sup>Higgins, B. "The Dualistic Theory of Underdevelopment Areas", dalam G.M. Mier (ed.), Leading Issues in Development Economics, New York: Oxford University Press, 1970, m.s. 128-138.

<sup>20</sup>Singer, H.W., "The Mechanics of Economic Development" dalam A.N. Agarwala dan S.P. Singh (eds.), The Economics of Development, London: Oxford University Press, 1958, m.s. 381-399.

<sup>21</sup>Aziz, U.A., Jerjak-jerjak Di Pantai Zaman, Kuala Lumpur: Univeristy of Palaya Press, 1975.

<sup>22</sup>Husin Ali, op.cit., 1972.

## BAB KEDUA

### SEJARAH PEMBANGUNAN KAMPONG CINA BATU 17

#### 2.1 PENGENALAN

Untuk memahami keadaan sosio-ekonomi dan kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk kawasan kajian, adalah penting bagi kita membincangkan latarbelakang sejarahnya terlebih dahulu. Keadaan sosio-ekonomi ini meliputi kemudahan-kemudahan asas, pemilikan tanah dan peluang pekerjaan yang sedia ada. Dengan itu, bab ini membincangkan tentang latar belakang sejarah mengenai kawasan kajian ini.

Pada asalnya penduduk-penduduk kampong ini adalah setinggan Cina yang bercucuk tanam di kawasan pinggir Estet Perak River Valley sebelum mereka ditempatkan semula di estet. Adalah mustahak bagi kita membincangkan sejarah setinggan Cina dan penempatan semula secara umumnya sebelum melihat sejarah kawasan kajian secara khususnya.

#### 2.2 SEJARAH PENEMPATAN SEMULA DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Setinggan Cina memang ujud semenjak kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu. Pada masa penjajahan Inggeris, setinggan Cina itu dibiarkan bagitu sahaja walaupun mereka bercucuk tanam secara haram. Keadaan ini disebabkan petani-petani ini memainkan peranan yang penting dalam pembekalan makanan dan tenaga buruh. Malahan, mereka digalakkan terus menanam kerana pada

masa itu Malaya sedang menghadapi masalah kekurangan makanan selepas Perang Dunia Pertama dan masalah pengangguran amat serious, akibat dari kemelesetan ekonomi dalam lingkungan tahun 1920an hingga 1930an. Kerajaan Inggeris telah menggalakkan penanam makanan di tanah-tanah yang sesuai. Akibatnya, adalah dianggarkan terdapat seramai 150,000 setinggan Cina pada tahun 1940.<sup>1</sup>

Dalam masa pemerintahan Jepun (1941-1945) bilangan setinggan telah bertambah berlipat ganda, iaitu seramai 400,000 orang pada tahun 1945.<sup>2</sup> Faktor-faktor yang menyebabkan pertambahan dalam bilangan setinggan ini adalah seperti berikut:

Pertamanya, dalam zaman penjajahan Jepun, kekurangan kemudahan pengangkutan seperti lori, keretapi dan sebagainya menyebabkan getah tidak dapat diekspor ke luar negeri. Pada masa yang sama, kolek-kolek timah samada telah dimusnahkan atau terpaksa berhenti operasi kerana kekurangan alat ganti. Ramai orang telah menganggur dan penganggur Cina telah menjadi setinggan.<sup>3</sup>

Keduanya, salah satu kesan perang ialah kekurangan makanan dan mengakibatkan harga makanan menambung naik. Oleh demikian, ramai orang Cina mengamalkan penanaman untuk sara diri bagi mengelakkan daripada kelaparan.<sup>4</sup>

Ketiganya, di bawah pemerintahan Jepun, terdapat orang Cina, bersama-sama dengan orang-orang lain, telah dibunuhan atau dikerah untuk mengerjakan projek pembinaan di sempadan negeri Burma dan Thai. Di samping itu, Perang Dunia Kedua telah menyebabkan bandar-bandar dimusnah dan beribu-ribu orang Cina menjadi mangsa perang, rumah-rumah mereka dibakar akibat bom-bom yang dijatuhkan oleh askar Jepun. Keadaan ini telah menyebabkan orang-orang Cina di bandar berhijrah ke luar bandar atau ke kawasan pedalaman lalu menjadi setinggan di sana untuk mengelakkan ancaman dari Jepun.<sup>5</sup>

Keempat, ialah terdapatnya kedatangan orang Cina secara haram ke Malaya dalam masa perintahan Jepun dan semasa penyerahan Jepun. Kekurangan peluang pekerjaan pada masa itu telah mendorongkan mereka itu menjadi setinggan.<sup>6</sup>

Selepas penjajahan Jepun, sebahagian penduduk-penduduk setinggan neneruskan pekerjaan asal mereka. Ada yang bekerja di estet, dan ada yang menjadi buruh kasar di lombong bijih timah. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan besar setinggan terus bercucuk tanam kerana sudah biasa dengan kehidupan sebagai petani dan hasil pendapatan cukup untuk hidup. Oleh itu, pada tahun 1948 masih terdapat seramai 30,000 orang setinggan.<sup>7</sup>

Sebelum tahun 1948 pihak penjajahan Inggeris membiarkan masalah setinggan untuk diselesaikan oleh

kerajaan negeri masing-masing dengan alasan bahawa hal tanah adalah di bawah pentadbiran negeri. Tetapi menjelang tahun 1948, apabila masalah setinggan menjadi semakin mendesak, pihak Inggeris terpaksa mengambil tindakan untuk menempatkan semula setinggan untuk melindungi kepentingan ekonomi dan politik mereka.

Pada zaman penjajahan Jepun, Parti Komunis Malaya (PKM) telah mengorganisasikan gerakan menentang Jepun seperti menukuhan Malaya Overseas Chinese Anti-Japanese Army pada tahun 1941.<sup>8</sup> Di samping itu, ia juga membentuk satu pasukan yang kuat, iaitu Malaya People Anti-Japanese Army (MPAJA). Oleh kerana rasa benci terhadap askar Jepun yang menceroboh rumah tangga dan mengkerah orang-orang Cina di Malaya. Golongan setinggan Cina telah merupakan sumber yang penting untuk membekalkan makanan, ubat, maklumat, tenaga buruh dan penyokong kepada MPAJA.

Menjelang tahun 1944, MPAJA disokong oleh beribu-ribu orang. Ekoran dari penyerahan Jepun, golongan setinggan itu telah merupakan ancaman terhadap pihak penjajah Inggeris apabila PKM mencetuskan perjuangan bersenjata pada tahun 1948. Untuk menjaga dan mengekalkan kepentingan ekonomi dan politik Inggeris, penjajah Inggeris mengumumkan Dharurat pada tahun 1948.<sup>8</sup>

Dalam masa dharurat, kerajaan penjajahan Inggeris telah menempatkan semula para setinggan ke kawasan

terkawal yang baru. Dalam proses penempatan semula (1950 -52) seramai 650,000 setinggan Cina telah ditempatkan semula ke dalam kawasan estet, lombong bijih timah dan kilang papan.<sup>10</sup> Pada waktu yang sama seramai 572,917 orang telah ditempatkan semula dalam 480 buah kampong baru.<sup>11</sup>

Jadual 2.1

**Pekerjaan Penduduk-penduduk Di Kawasan Penempatan Semula, 1952**

Anggaran jumlah penduduk	Peratusan		
	pekerja estet	pekerja lombong bijih timah	Lain-lain pekerjaan
650,000	78.5	12.3	9.2

Sumber: Sandhu, K.S., "Emergency Resettlement in Malaya", Journal of Tropical Geography, 1964, m.s. 157.

Dari jumlah penduduk seramai 650,000 orang di kawasan-kawasan penempatan semula pada tahun 1952, sebanyak 78.5 peratus ialah pekerja estet, 12.3 peratus ialah pekerja lombong bijih timah dan 9.2 peratus ialah pekerja kilang papan (Jadual 2.1). Majority pekerja estet ialah orang India di mana merupakan 50 peratus daripada penduduk regroupment estet, orang Cina ialah 29 peratus, orang Melayu ialah 16 peratus dan lain-lain bangsa ialah 5 peratus. Walau bagaimanapun, majority penduduk Cina kawasan-kawasan penempatan semula adalah tertumpu di kawasan regroupment lombong bijih timah (Jadual 2.2).

**Jadual 2.2**

**Kawasan Penempatan Semula Mengikut Kumpulan Etnik,  
1952**

Kategori penempatan semula	Anggaran jumlah penduduk	Peratus			
		Cina	Melayu	India	Lain-lain
Estet	510,000	29.0	16.0	50.0	5.0
Lombong bijih timah	80,000	68.7	17.6	13.6	0.0
Lain-lain	60,000	71.8	14.0	14.0	0.2
Jumlah	650,000	37.8	16.0	42.2	4.0

Sumber: Sandhu, K.S., "Emergency Resettlement in Malaya", Journal of Tropical Geography, 1964, m.s. 157.

### **2.3 SEJARAH PENEMPATAN SEMULA SETINGGAN CINA DI KAMPONG CINA BATU 17**

Sebelum tahun 1950, penduduk-penduduk Kampong Cina Batu 17 tinggal di sekitar pinggir kawasan Estet Perak River Valley. Pekerjaan utama mereka ialah bercucuk tanam di pinggir estet. Oleh kerana pendapatan yang diterima dari penanaman sayur-sayuran dan padi adalah tidak stabil, maka sebahagian dari mereka mengusahakan kerja sambilan sebagai penoreh getah ataupun buruh kasar di Estet Perak River Valley yang dimiliki oleh orang Inggeris.

Pada waktu ini, mereka tidak mempunyai tanah sendiri tetapi mengerjakan Tanah-tanah Berlesen Sementara (Temporary Occupation Liscense). Tanah ini

tidak mempunyai geran yang sah dan pemiliknya dibenarkan menduduki tanah tersebut dalam tempoh tertentu. Setiap tahun lesen terpaksa diperbaharuhi untuk membolehkan tanah itu diusahakan secara sah. Walau bagaimanapun, terdapat penduduk-penduduk di kampong ini menjalankan kegiatan bercucuk tanam secara haram kerana bayaran sewa dan membaharuhi lesen merupakan beban kepada mereka.

Keadaan kemudahan asas adalah serba kekurangan. Mereka cuma menggunakan lampu minyak pada waktu malam. Air untuk minuman dan masakan dan lain-lain tujuan didapati dari air hujan dan perigi. Jalan di kawasan pinggir estet adalah teruk sekali. Ianya bukan sahaja kecil tetapi menjadi licin selepas hujan lebat.

Dalam masa dharurat penduduk-penduduk telah diberikan pilihan samada berpindah ke kampong baru atau kawasan penempatan semula di dalam estet. Sebahagian dari setinggan telah ditempatkan semula di kampong-kampong baru, iaitu Padang Rengas, Liman Kati dan Jerun di dalam daerah Kuala Kangsar. Penduduk-penduduk Kampong Cina Batu 17 ini telah memilih untuk berdiam di kawasan Estet Perak River Valley atas beberapa sebab.

Pertamanya, pihak estet telah meminta mereka pindah ke kawasan estet untuk menjaga kepentingan sendiri. Ini adalah kerana estet ini mempunyai pekerja yang terhad dan adalah sukar baginya untuk memohon

sejumlah polis "Special Constables" untuk menjaga keselamatan estetnya dari kekaeauan PKM. Kalau tidak mempunyai penduduk yang cukup dalam estet, semua kakitangan dan pekerja estet dikehendaki berpindah ke tempat lain. Kedua, penduduk-penduduk kawasan ini bersetuju pindah ke kawasan estet kerana tidak mahu meninggalkan tanaman dan rumah mereka. Di samping itu, mereka tidak mahu pindah ke kampong baru kerana mendapat tahu bahawa di sekeliling kampong baru dipagar dengan duli gawai serta keluar-masuk dari kampong baru adalah dikawal rapi oleh pihak polis. Kehidupan dan kebebasan adalah tersekut di dalam kampong baru.

Pada tahun 1950, penduduk-penduduk setinggan di sekitar Kuala Kangsar telah berpindah ke kawasan pinggir Estet Perak River Valley. Semasa tinggal di kawasan estet mereka terus bercucuk tanam di pinggir kawasan estet. Oleh kerana kawasan tanaman dan masa menanam adalah terhad pada masa Dharurat, maka ada yang bekerja untuk pihak estet. Sungguhpun demikian, ada yang telah dapat menyimpan sedikit wang bagi tujuan membeli harta dalam bentuk tanah kemudian.

Peluang untuk memiliki tanah telah timbul pada awal tahun 1960. Pada tahun ini, pihak majikan Estet Perak River Valley telah menjual lebih kurang 250 ekar ladang getah kepada seorang chetti. Chetti ini pula membahagikan tanah ini untuk jualan. Setengah dari penduduk di kampong ini mempunyai simpanan telah membeli

beberapa ekar kebun getah dengan harga antara \$500 hingga \$1,000 seekar bergantung kepada keadaan pokok getan dan tanah. Oleh itu, setengah dari penduduk ini mempunyai kebun getah sendiri di antara tiga hingga lima ekar. Sungguhpun demikian, penduduk-penduduk yang lain tidak memiliki kebun getah kerana tidak mampu membeli tanah tersebut.

Sementara itu, kawasan tanah yang digunakan untuk bercucuk tanam di sekitar Kampong Cina Batu 17 ini telah berkurangan. Keadaan ini berlaku kerana kerajaan telah memberikan tanah tersebut kepada orang Melayu yang miskin di sekitar kawasan ini. Akibatnya, penduduk Cina terdahulunya menanam sayur-sayuran kini terpaksa menoreh getah kerana kekurangan tanah pertanian. Ada yang menjadi buruh kasar di sekitar kawasan tempat tinggal.

Sungguhpun penduduk-penduduk Cina ini telah pindah ke kawasan estet, keadaan kemudahan asas mereka tidak terdapat kemajuan yang memuaskan dari keadaan sebelum perpindahan. Ini berkait dengan kedudukan 'istimewa' kawasan penempatan semula di estet. Mereka tinggal di dalam estet, tetapi tidak menikmati kemudahan-kemudahan asas yang dibekalkan oleh majikan estet tersebut sehingga hari ini. Pada umumnya, pihak estet membekalkan rumah, sekolah Tamil, klinik, air dan elektrik kepada pekerja-pekerja tetap. Oleh kerana

penduduk-penduduk Cina bukan pekerja tetap estet, mereka hanya disediakan tapak rumah untuk mendirikan rumah dengan sewaan tanah sebanyak \$15 setahun. Pada masa yang sama, kerajaan telah mengabaikan keadaan sosio-ekonomi dalam kawasan penempatan semula. Ini adalah kerana berlainan dari kampong-kampong baru di mana penduduk ditempatkan dalam tanah kerajaan, penduduk Cina di kawasan penempatan semula menduduki tanah swasta. Adalah sukar bagi kerajaan menyediakan kemudahan asas seperti yang sedia ada di kampong-kampong baru.

Akibatnya, kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, letrik, tandas, jalanraya dan lain-lain amatlah kekurangan bagi penduduk-penduduk Cina ini. Penduduk-penduduk ini tidak menikmati kemudahan-kemudahan asas dari pihak estet mahupun kerajaan. Mereka tidak mempunyai bekalan air paip dalam rumah. Oleh itu, mereka hanya menggunakan air hujan untuk memasak. Mereka perlu berjalan satu kilometer untuk sampai ke bilik mandi umum di mana terdapat dua buah perigi. Kerbersihan air perigi itu juga dipersoalkan. Perigi itu digali berdekatan dengan sebuah longkang yang besar. Oleh itu airnya amat keruh dan kotor, sepatutnya tidak sesuai untuk mandi.

Pada waktu malam, oleh kerana tidak mempunyai elektrik, sebahagian besar penduduk di sini tidur awal. Kemudahan tandas juga kurang memuaskan. Tandas umum yang digali lubangnya terletak berhampiran benar dengan

rumah-rumah di situ. Kebanyakan penduduk di situ bersungut tentang keadaan tandas. Tambahan pula, keadaan longkang tidak baik and ini menyebabkan gangguan dalam pengaliran air. Akibatnya, nyamuk membiak dengan bebasnya dan seterusnya membawa penyakit. Malahan, tidak ada pula tempat membuang sampah yang sesuai disediakan. Dari segi kemudahan pengangkutan, perkhidmatan bas tidak disediakan antara kawasan kediaman estet dengan pekan Padang Rengas. Penghuni hanya dapat pergi ke pekan dengan basikal atau berjalan kaki.

Kekurangan kemudahan-kemudahan asas menyebabkan sebahagian penduduk Cina ingin pindah ke tempat lain. Harapan mereka ini tercapai pada penghujung tahun-tahun 1970an. Salah seorang penghuni telah menjualkan sebidang tanah yang berdekatan dengan jalan besar kepada penduduk-penduduk yang lain. Tanah ini telah dibahagikan kepada 43 lot yang bersaiz satu perempat ekar satu lot. Kebanyakan penduduk Cina di kawasan estet telah membeli satu lot dengan harga \$1,000.00 ringgit pada tahun 1979. Atas nasihat orang Melayu yang tinggal berhampiran, kawasan kediaman yang baru ini dinamakan Kampong Batu Bantal kerana ianya terletak di tanah yang tinggi.

Mulai dari tahun 1979, keluarga demi keluarga, telah berpindah ke kawasan kediaman yang baru ini.

Sehingga kajian ini dijalankan sebanyak 20 buah isirumah telah pindah ke Kampong Batu Bantai. Sementara itu, masih terdapat 23 buah isirumah yang terus tinggal di kawasan estet yang lama kerana tidak mampu membina rumah baru di Kampong Batu Bantai.

Kawasan kediaman baru ini mempunyai lebih banyak kemudahan berbanding dengan tempat tinggal yang lama. Bekalan air telah disediakan oleh kerajaan. Ianya juga memudahkan penduduk berulang-alik dari tempat kediaman ke pekan dan sekolah. Kekurangan yang masih jelas di kawasan ini ialah kekurangan jalan yang memuaskan dan bekalan letrik masih belum diadakan.

Pemindahan ke tempat tinggal ini tidak banyak mengubah pekerjaan dan peluang pekerjaan yang sedia ada pada penduduk Cina di kawasan kajian. Kebanyakan dari mereka melibatkan diri dalam kegiatan menoreh getah atau bekerja sebagai buruh kasar di kawasan sekitar. Oleh kerana kekurangan peluang pekerjaan secara umumnya, ramai pemuda-pemudi telah berhijrah ke tempat lain untuk bekerja.

## 2.4 KESIMPULAN

Bab ini telah menunjukkan keadaan sosio-ekonomi di kawasan kajian. Apa yang jelas ialah kekurangan kemudahan asas telah mengakibatkan sebahagian penghuni berpindah ke tempat kediaman yang baru. Selain dari itu, penduduk-penduduk di kawasan ini tidak diberikan

tanah pertanian oleh pihak kerajaan. Yang perlu ditegaskan di sini ialah pemilikan tanah mereka adalah hasil dari simpanan mereka yang bercucuk tanam. Di samping itu, terdapatnya masalah kekurangan peluang pekerjaan bagi penduduk-penduduk kerana tanah untuk bercucuk tanam makin berkurangan. Semua ini telah mempengaruhi keadaan struktur pekerjaan, pendapatan dan keadaan kemiskinan. Ini yang akan dibincangkan dalam bab-bab yang berikut.

## **Nota Kaki**

<sup>1</sup>Sandhu, K.S., "Emergency Resettlement in Malaya", Journal of Tropical Geography, 1964, m.s. 157.

<sup>2</sup>Robinson, P.J.B., Transformation of Malaya, London, 1956, m.s. 76.

<sup>3</sup>Ibid.

<sup>4</sup>Sandhu, op.cit., m.s. 74.

<sup>5</sup>Ibid., m.s. 158.

<sup>6</sup>Ibid.

<sup>7</sup>Ibid.

<sup>8</sup>Chean Boon Kheng, The Masked Comrade, Times Distribution, 1979.

<sup>9</sup>Robinson, op.cit., m.s. 14.

<sup>10</sup>Sandhu, op.cit..

<sup>11</sup>Ibid.

## BAB KETIGA

### KEADAAN SOSIO-EKONOMI ISIRUMAH SEMASA

#### 3.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan **butir-butir umum** mengenai latar belakang sosio-ekonomi di kawasan kajian. Butir-butir umum ini termasuklah pola pemilikan tanah, penggunaan tanah, pekerjaan, status pekerjaan, sumber pendapatan dan pendapatan per kapita. Bab ini juga akan membincangkan profail kemiskinan.

#### 3.2 PEMILIKAN TANAH PERTANIAN

Tanah merupakan faktor yang penting dalam menentukan sumber-sumber pendapatan isirumah dan keluasan tanah yang dimiliki oleh seseorang juga akan menentukan pendapatan mereka. Jadual 3.1 menunjukkan 45 % dari 40 isirumah yang dikaji tidak mempunyai tanah, 25 % memiliki tanah satu hingga tiga ekar, 10 % memiliki tanah 3.1 hingga 6 ekar sementara 20 % memiliki tanah lebih dari 6 ekar. Keadaan ini menunjukkan dua perkara yang penting. Pertamanya, sebahagian dari isirumah dalam kampong ini tidak memiliki tanah pertanian. Keduanya, di kalangan mereka yang memiliki tanah pertanian, tetapi saiz tanah pertanian adalah kecil.

Kesemua tanah pertanian yang dimiliki oleh isirumah kampong ini adalah digunakan untuk tanaman getah. Pola pemilikan tanah getah ini telah mempengaruhi jenis pekerjaan penduduk-penduduk kampong. Jadual 3.2 menunjukkan bahawa ramai tenaga buruh dalam kampong ini

adalah melibatkan diri dalam kegiatan menoreh getah.

Jadual 3.1

**Pola Pemilikan Tanah Pertanian Mengikut Keluasan Bagi 40 Isirumah Di Kampong Cina, Batu 17, Padang Rengas, 1987**

Luas Dimiliki (Ekar)	Isirumah	
	Bilangan	Peratus
0	18	45.0
1 - 3	10	25.0
3.1 - 6	4	10.0
> 6	8	20.0
Jumlah	40	100.0

Sumber: Data kajian.

Jadual 3.2

**Jenis Pekerjaan Tenaga Buruh Di Kampong Cina Batu 17 Padang Rengas, 1987**

Jenis Pekerjaan	Tenaga Buruh	
	Bilangan	Peratusan
Penoreh getah	63	75.0
Buruh kasar	16	19.0
Penanam sayur	5	6.0
	84	100.0

Sumber: Data kajian.

Walaupun menoreh getah merupakan pekerjaan yang dominan sekali di kampong ini, tetapi bukan semuanya mengerjakan di tanah sendiri. Selain dari mereka yang

menoreh getah di kebun sendiri, ada yang mengerjakan tanah orang lain dan ada pula yang merupakan pekerja keluarga tanpa gaji. (unpaid family worker) Dari jumlah 63 orang penoreh getah, 27 % merupakan pekerja sendiri, 22.2 % merupakan pekerja dan 50.8 % pula adalah pekerja keluarga tanpa gagi. Sebagai pekerja keluarga tanpa gaji, golongan ini tidak menerima apa-apa pendapatan. Semua hasil jualan getah adalah diperolehi oleh ketua isirumah, pendapatan itu untuk tujuan perbelanjaan keluaga.

Penduduk-penduduk di kampong ini mengakui bahawa pekerjaan menoreh getah adalah merupakan warisan dari tinggalan ibu-bapa mereka. Sebagai penerusan warisan, maka dalam keadaan terpaksa atau tidak, mereka mesti meneruskan sebagai penoreh getah. Tambahan pula, tanah-tanah yang mereka kerjakan itu adalah merupakan tanah yang dimiliki dan dikerjakan oleh ibu-bapa mereka sebelum ini. Justeru itu, apabila kebun getah diperturunkan kepada mereka, secara tidak langsung, pekerjaan menoreh getah terbuka kepada mereka juga turut diwarisi. Lagi pula, pekerjaan selain dari menoreh getah adalah kurang di sekitar kampong ini.

Pekerjaan menoreh getah yang diwariskan dari ibu-bapa mereka menimbulkan beberapa masalah. Masalah yang paling ketara ialah pemilikan tanah yang terhad keluasannya. Dalam sebuah keluarga tanah-tanah akan

diagihkan dan diperturunkan kepada anak-anak yang telah berkahwin. Justeru, kerana tanah yang terhad sahaja sebagai punca pekerjaan dan mata pencarian maka hasil yang diperolehi tidaklah lumayan. Keadaan ini telah menyebabkan generasi muda beralih kepada jenis pekerjaan yang lain atau migrasi ke bandar. Jadual 3.2 menunjukkan bahawa di kalangan tenaga buruh yang aktif dalam bidang ekonomi, 19 % telah menjadi buruh kasar. Sebagai buruh kasar, jenis pekerjaan mereka adalah tidak tetap. Kadangkala mereka melibatkan diri dalam pekerjaan sektor pertanian, seperti membersihkan kebun getah, menanam pokok getah, membaja dan sebagainya. Oleh kerana jenis pekerjaan ini adalah kurang, maka kadangkala mereka ini beralih ke pekerjaan dalam sektor bukan pertanian seperti membina rumah, membina jalanraya dan sebagainya.

Jadual 3.2 juga menunjukkan bahawa cuma 6 % dari tenaga buruh yang aktif melibatkan diri dalam penanaman sayur. Keadaan ini disebabkan oleh kekurangan tanah untuk tujuan ini. Seperti yang diuraikan dalam bab yang lalu, walaupun pada masa dulu penghuni kampong juga menanam sayur, tetapi peluang mereka pada masa ini adalah terhad.

### 3.3 SUMBER-SUMBER PENDAPATAN ISIRUMAH

Pola pemilikan tanah, jenis pekerjaan dan status pekerjaan yang dibincangkan di atas telah mempengaruhi

jenis sumber pendapatan **isirumah**, Jadual 3.3 menunjukkan bahawa pendapatan yang dikumpulkan oleh ketua isirumah merupakan sumber pendapatan utama isirumah di kampong ini. Sumbangan dari ahli isirumah lain merupakan sumber yang kedua penting dalam pendapatan isirumah. Sementara itu pendapatan yang diterima dari kiriman luar adalah tidak penting. Jadual ini juga menunjukkan pendapatan bukan tunai merupakan sumber pendapatan yang kurang penting dalam isirumah.

### Jadual 3.3

#### **Sumber-sumber Pendapatan Purata Sebulan Isirumah Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987**

Jenis Pendapatan	Jumlah Sebulan (\$)	Peratusan
(a) Pendapatan Tunai		
i. dari ketua isirumah	330.1	81.4
ii. sumbangan dari ahli isirumah lain yang terima pendapatan	42.4	10.4
iii. Kiriman luar	5.4	1.3
iv. lain-lain	2.5	0.6
(b) Pendapatan Bukan Tunai		
i. tempat tinggal	20.5	5.0
ii. makanan sendiri	2.0	0.5
iii. hadiah	2.4	0.6
iv. lain-lain	0.4	0.1
	406.7	100.0

Sumber: Data kajian.

### **3.4 PENDAPATAN ISIRUMAH DAN PENDAPATAN PER KAPITA ISIRUMAH SEBULAN**

Taraf sosio-ekonomi isirumah kampong ini dapat dilihat jika kita membandingkan pendapatan isirumah

sebulan dengan keadaan di seluruh negara. Jadual 3.4 menunjukkan pendapatan purata isirumah kampong ini adalah lebih rendah berbanding dengan pendapatan mengikut kumpulan etnik dan mengikut kawasan bandar dan luar bandar pada tahun 1984.

#### Jadual 3.4

**Pendapatan Purata Isirumah Sebulan  
Di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987  
dan Semenanjung Malaysia, 1984**

Kawasan Kajian/ Semenanjung Malaysia	Pendapatan Sebulan Pada Harga Semasa (\$)
Kampong Cina Batu 17	406.7
Semenanjung Malaysia	
i. Bumiputera	852.0
ii. Cina	1,502.0
iii. India	1,024.0
iv. Kawasan Bandar	1,541.0
v. Kawasan Luar Bandar	824.0

Sumber: 1. Kampong Batu 17 --- data kajian.

2. Semenanjung Malaysia --Rancangan Malaysia Kelima.

Jadual 3.5 menunjukkan bahawa 25% dari isirumah dalam kampong ini berpendapatan kurang dari \$300. Sementara itu 15% dari jumlah isirumah berpendapatan lebih dari \$600 sebulan. Jelaslah terdapat ketidaksamaan dari segi pengagihan pendapatan seisirumah sebulan.

### Jadual 3.5

#### Pengagihan Pendapatan Purata Isirumah Sebulan

Di Kampong Batu 17, Padang Rengas, 1987

Kategori Pendapatan	Isirumah	
	Bilangan	Peratusan
100 - 199	7	15.0
200 - 299	4	10.0
300 - 399	11	27.5
400 - 499	5	12.5
500 - 599	8	20.0
600 - 699	4	10.0
700 ke atas	2	5.0
	40	100.0

Sumber: Data kajian.

Tingkat pendapatan sebulan isirumah yang dibincangkan di atas tidak menunjukkan taraf kebijakan isirumah yang sebenarnya kerana ianya masih belum mengambil kira saiz isirumah. Apabila faktor saiz isirumah diperhitungkan, pengagihan pendapatan purata per kapita isirumah sebulan dapat dilihat dalam Jadual 3.6. Adalah didapati bahawa 70 % dari jumlah isirumah berpendapatan kurang dari \$100 per kapita isirumah sebulan.

**Jadual 3.6**

**Pengagihan Pendapatan Purata Per Kapita Isirumah  
Sebulan Di Kampong Batu 17, Padang Rengas, 1987**

Kategori Pendapatan (\$)	Isirumah	
	Bilangan	Peratusan
Kurang dari 75	13	32.5
75 - 99	15	37.5
100 - 149	8	20.0
150 ke atas	4	10.0
	40	100.0

Sumber: Data kajian.

### **3.5 KADAR DAN PROFAIL KEMISKINAN**

Dalam kajian ini, telah dinyatakan bahawa garis pendapatan yang digunakan untuk mengukur kadar kemiskinan di kawasan kajian ialah \$75 per kapita seisirumah sebulan. Pada garis kemiskinan ini, Jadual 3.6 menunjukkan sebanyak 32.5 % dari jumlah isirumah berada dalam keadaan kemiskinan. Penganalisaan mengenai profail kemiskinan telah menunjukkan ciri-ciri tertentu isirumah yang penting seperti yang diringkaskan dalam Jadual 3.7. Ciri-ciri ini merupakan petunjuk penting untuk penerangan sebab-sebab kemiskinan.

Jadual 3.7

Ciri-ciri Terpilih Di Kalangan Isirumah Yang Miskin  
Di Kampong Batu 17, Padang Rengas, 1987

Ciri-ciri	Pengagihan Peratusan Miskin
Semua isirumah	32.5
Pemilikan Tanah Pertanian (Ekar)	
(a) 0	53.8
(b) 1 - 3	46.2
Jumlah	100.0
Jantina Ketua Isirumah	
(a) Lelaki	84.6
(b) Perempuan	15.4
Jumlah	100.0
Umur Ketua Isirumah	
(a) 30 - 39	23.1
(b) 40 - 49	30.8
(c) 50 - 59	23.1
(d) 60 - 69	15.4
(e) 70 +	7.7
Jumlah	100.0
Pendidikan Tertinggi Ketua Isirumah	
(a) Tidak bersekolah	53.8
(b) Sekolah rendah	15.4
(c) Sekolah menengah rendah	30.8
Jumlah	100.0
Status Pekerjaan Ketua Isirumah	
(a) Pekerja sendiri	23.1
(b) Pekerja	61.5
(c) Pesara	15.4
Jumlah	100.0
Jenis Pekerjaan Ketua Isirumah	
(a) Penoreh getah	54.5
(b) Buruh kasar	45.5
Jumlah	100.0
Saiz Isirumah	
(a) 1	7.7
(b) 2	7.7
(c) 4	23.1
(d) 5	7.7
(e) 6	7.7
(f) 7	30.8
(g) 8	15.4
Jumlah	100.0

Sambung...

Ciri-ciri

Pengagihan  
Peratusan Miskin

Bilangan Ahli Isirumah  
Yang Terima Pendapatan

(a) 0	7.7
(b) 1	61.5
(c) 2	23.1
(d) 3	7.7
Jumlah	100.0

Nota: Detail mengenai profail kemiskinan dapat dilihat dalam Lampiran III.

Sumber: Data kajian.

Pada asasnya, profail kemiskinan ini menunjukkan bahawa kemiskinan ini berkait rapat dengan perkembangan peringkat isirumah (life cycle) dan peluang pekerjaan yang ada untuk isirumah. Jadual 3.6 menunjukkan bahawa lebih kurang satu perempat dari jumlah isirumah yang miskin adalah diketuai oleh lelaki yang berada dalam lingkungan umur 30 tahun hingga 39 tahun. Pada peringkat isirumah ini, kedua-dua suami dan isteri telah melahirkan beberapa orang anak yang menyebabkan beban tanggungan menjadi semakin berat. Oleh kerana ketua isirumah masih muda, kebanyakannya mereka tidak memiliki tanah sebab tidak mampu membelinya. Isteri mereka pula tidak dapat menyumbangkan tenaga untuk menambahkan pendapatan isirumah kerana mereka perlu menjaga anak-anak yang masih kecil. Tambahan pula, kebanyakannya mereka berpendidikan sekolah menengah rendah yang menyebabkan pilihan pekerjaan yang terhad. Oleh yang demikian, ketua isirumah telah bekerja sebagai

penoreh getah yang mengerjakan tanah orang lain atau menjadi buruh kasar. Pendapatan yang rendah telah menyebabkan berada dalam keadaan miskin. Pada umumnya, peringkat ini mempunyai ciri-ciri isirumah seperti saiz isirumah antara empat hingga lima orang dan hanya ketua isirumah yang bekerja.

Ketua isirumah yang berumur antara 40 dan 49 terdiri dari lebih kurang satu pertiga jumlah isirumah yang miskin. Pada peringkat ini, isirumah-isirumah yang miskin ini mempunyai lebih ramai tanggungan. Ada yang telah mempunyai ramai anak dan ada pula menanggung kehidupan ibu-bapa yang bersara. Sebahagian dari ketua isirumah ini telah mewarisi saiz kebun getah yang kecil dari ibu bapa mereka. Ketua isirumah dan isteri mereka bekerja untuk menambahkan pendapatan. Sungguhpun demikian, pendapatan yang diterima adalah tidak mencukupi untuk menanggung saiz keluarga yang besar. Akibatnya, isirumah-isirumah ini menunjukkan pendapatan per kapita yang kurang dari garis kemiskinan. Pada amnya, peringkat ini mempunyai ciri-ciri di mana isirumah diketuai oleh kaum lelaki yang merupakan pekerja sendiri atau pekerja, saiz isirumah antara enam hingga lapan orang, memiliki tanah lebih kurang tiga ekar atau tidak bertanah, dan mempunyai seorang atau dua orang penerima pendapatan.

Ketua isirumah yang berumur antara 50 dan 59 terdiri dari lebih kurang satu perempat daripada isirumah yang miskin. Ini bermakna kadar kemiskinan mula berkurangan dalam isirumah di mana umur ketua isirumah melebihi 50 tahun. Keadaan ini disebabkan dalam peringkat perkembangan isirumah ini terdapat anak-anak dalam isirumah yang telah bekerja dan menyumbang pendapatan kepada isirumah. Sungguhpun demikian, terdapat anak-anak yang lain dalam isirumah masih bersekolah. Walaupun ada antara isirumah yang miskin ini memiliki saiz kebun getah yang kecil, pada umumnya pendapatan ketua isirumah yang berkeja sebagai penorah getah atau buruh adalah rendah. Secara amnya, isirumah-isirumah yang miskin ini diketuai oleh kaum lelaki, bersaiz antara lima hingga tujuh orang dan mempunyai dua atau tiga orang bekerja.

Peratusan isirumah-isirumah di mana ketua mereka berumur 60 ke atas makin berkurangan. Dalam isirumah-isirumah ini, kebanyakan anak-anak telah bermigrasi ke tempat lain untuk bekerja. Terdapat isirumah yang bertanah. Oleh kerana saiz isirumah adalah kecil, maka pendapatan per kapita yang tinggi. Disebaliknya, terdapat isirumah yang tidak bertanah dan diketua oleh wanita di mana suami telah meninggal atau ketua isirumah yang tidak bekerja kerana umur telah meningkat. Dengan itu, ketua isirumah ini bergantung kepada kiriman wang dari anak-anak yang bekerja di tempat lain. Secara

amnya, di peringkat ini menunjukkan ciri kemiskinan di kalangan isirumah yang diketua perempuan atau lelaki, mempunyai seorang penerima pendapatan atau tidak ada penerima pendapatan.

### 3.6 KESIMPULAN

Bab ini telah menunjukkan masalah kemiskinan adalah berpunca dari masalah kekurangan tanah dan peluang pekerjaan yang terhad. Oleh itu, keluarga yang bersaiz besar lebih cendorong jatuh di bawah garis kemiskinan. Begitu juga, walaupun saiz isirumah adalah kecil, ianya juga boleh miskin kerana pendapatan yang rendah. Dalam bab yang berikut pengkaji akan menganalisa sebab-sebab kemiskinan ini secara mendalam dan kesan-kesan kemiskinan juga dibincangkan.

## BAB KEEMPAT

### SEBAB-SEBAB DAN KESAN-KESAN KEMISKINAN

#### 4.1 PENGENALAN

Dalam bab 3, profail kemiskinan menunjukkan golongan yang majoriti miskin merupakan golongan penoreh getah dan buruh kasar. Dengan itu, bab ini menumpukan perhatian kepada dua perkara. Pertama ialah sebab-sebab kemiskinan termasuk kekurangan tanah, masalah yang dihadapi oleh penoreh getah dan buruh kasar. Kedua, membincangkan kesan -kesan kemiskinan dari segi pelajaran, migrasi, pengangguran dan berutang dalam komuniti ini.

#### 4.2 SEBAB-SEBAB KEMISKINAN

##### 4.21 Kekurangan Tanah

Dalam masyarakat petani, tanah merupakan faktor pengeluaran yang amat penting. Bagi kaum petani, tanah bukan sahaja merupakan sumber pendapatan penting, tetapi keseluruhan survival hidup mereka. Kedudukan mereka serta masa hadapan mereka ditentukan oleh pemilikan dan hubungan mereka dengan tanah. Pemilikan dan perhubungan petani dengan tanah akan menentukan status petani tersebut, samada sebagai pemilik atau tuan tanah, penyewa atau petani yang tidak mempunyai tanah. Tambahan pula, pemilikan tanah ada kaitanya dengan pekerjaan dan pendapatan.

Sebelum permindahan ke kawasan estet, penduduk-penduduk di kawasan kajian ini tidak mempunyai tanah sendiri tetapi mengerjakan Tanah-tanah Berlesen Sementara atau tanam secara haram. Walau bagaimanapun mereka tidak menghadapi kekurangan tanah untuk menanam pada masa itu. Ini adalah kerana kerajaan negeri tidak mengambil tindakan terhadap mereka dan kerajaan penjajahan British sangat memerlukan sumbangan mereka dalam membekalkan makanan.

Selepas permindahan ke kawasan estet pada tahun 1950, keadaan mula berubah. Komuniti Cina ini menghadapi masalah kekurangan tanah untuk menanam. Perkara ini berlaku disebabkan pada masa Dharurat, tanah pertanian di luar kawasan Estet Perak River Valley adalah terhad kerana dikawal rapit oleh kerajaan negeri. Dengan itu ramai penduduk daripada komuniti ini beralih menjadi penoreh getah atau buruh kasar kepada majikan estet.

Selepas bekerja bersungguh-sungguh dan berjimat cermat bertahun-tahun, akhirnya terdapat 55% daripada mereka memiliki tanah sendiri tetapi masih terdapat 45% penduduk-penduduk di kampong ini tidak bertanah. Dari golongan yang memiliki tanah iaitu 55%, terdapat 25% daripada mereka memiliki tanah antara satu hingga tiga ekar sahaja. Ini bermakna keluasan tanah adalah amat kecil. Keadaan ini secara langsung mempengaruhi hasil pengeluaran, di mana pengeluaran rendah bererti

pendapatan rendah. Ekoranya, isirumah-isirumah ini tidak mampu menanggung perbelanjaan keluarga serta hidup dalam keadaan serba kekurangan. Di dalam keadaan ini, golongan yang tidak bertanah mengalami kekurangan pendapatan sehingga tidak mampu memenuhi keperluan-keperluan asasi dan mendapatkan kemudahan-kemudahan sosial seperti bekalan air dan letrik, klinik dan sekolah.

Masalah-masalah kekurangan tanah ini dapat dilihat dari segi pekerjaan ketua isirumah yang miskin, iaitu penoreh getah dan buruh kasar. Golongan penoreh yang miskin terdiri dua golongan, iaitu mereka yang memiliki saiz tanah yang kecil dan mereka yang tidak bertanah. Bagi kategori pertama, kemiskinan disebabkan pemilikan kebun getah yang bersaiz tiga ekar ke bawah. Walaupun penoreh getah ini tidak perlu membahagi hasil dengan orang lain, pendapatan adalah rendah kerana hasil terhad. Ketua isirumah yang tidak bertanah pula terpaksa mengerjakan tanah orang lain. Penoreh-penoreh getah ini terpaksa membahagi hasil pengeluaran mereka dalam nisbah 5:5 pada pokok tua dan dalam nisbah 5:6 pada pokok muda, dimana tuan tanah mengambil setengah atau 60% daripada hasil pengeluaran mereka. Ini bermakna pendapatan yang rendah bagi penoreh-penoreh getah ini.

Seterusnya pendapatan penoreh juga mempunyai kaitan dengan hasil pengeluaran getah setiap hari. Ianya

juga mempunyai kaitan dengan keluasan tanah yang diusahakan. Melihat pada keadaan kemiskinan di negara ini, telah dikenalpasti bahawa ia disebabkan oleh pemilikan tanah yang tidak ekonomik dan hasil pengeluaran yang rendah.<sup>1</sup>

Jelaslah bahawa pendapatan mereka adalah tidak stabil dan mencukupi untuk hidup bagi yang bertanah, lagi yang tidak bertanah dan mempunyai tanah dalam saiz yang kecil (iaitu tiga ekar ke bawah) adalah merupakan golongan majoriti iaitu 70% dari penduduk-penduduk di kampong ini. Di samping itu, kerajaan negeri telah mengambil tindakan yang keras terhadap sesiapa yang menjalankan tanaman secara haram. Oleh kerana itu, golongan yang tidak bertanah di kampong ini setelah bertungus rumus bekerja bertahun-tahun tetapi masih hidup di lingkungan garis kemiskinan .

Selain dari itu, pendapatan penoreh getah juga dipengaruhi oleh faktor alam semulajadi. Pada kebiasaanya terdapat sekurang-kurangnya 2 bulan di mana daun-daun gugur dan berpucuk semula. Pada masa ini, susu getah menjadi sedikit dan pengeluaran menjadi kurang sehingga ke peringkat separuh dari pengeluaran sebelum dan selepas musim itu. Dalam lain perkataan, tempoh masa seorang penoreh getah dalam setahun hanyalah 10 bulan sahaja.

Keadaan yang sama juga berlaku apabila musim hujan iaitu antara bulan November dan Januari. Ini adalah kerana pokok getah tidak dapat ditoreh apabila bantang pokok menjadi basah. Atas keadaan ini, penoreh getah mempunyai hari bekerja yang sedikit sahaja dalam musim hujan yang panjang setiap tahun.

Ini secara langsung menjelaskan pendapatan penoreh getah yang bergantung kepada getah semata-mata. Oleh kerana itu, rata-rata pendapatan penoreh getah di kampong kajian adalah rendah. Tetapi tekanan pendapatan yang memang sedia rendah itu akan lebih dirasai oleh beberapa golongan penoreh yang menoreh pokok tua. Ini adalah kerana pokok tua tidak mengeluarkan susu yang banyak, dengan itu mereka terpaksa menoreh berselang hari sahaja.

Didapati dari kajian, hasil pengeluaran getah seorang penoreh tidak tetap bagi setiap hari untuk setiap ekar tanah yang mereka kerjakan. Misalnya ada penoreh yang mengusahakan tanah getah seluas 3 ekar mendapat hasil sebanyak 4 keping (2 orang). Di samping itu ada juga mengerjakan 6 ekar tanah getah tetapi mendapat hasil 4 keping sahaja (2 orang). Keadaan ini berlaku kerana ada kaitanya dengan umur pokok getah iaitu pokok getah muda mengeluarkan hasil yang lebih banyak berbanding dengan pokok tua. Di kampong kajian, dari 22 orang yang mempunyai kebun getah hanya 2 orang sahaja (iaitu 9% ) telah menanam semula. Penanaman

semula hanya terhad kepada kedua-dua orang yang mempunyai tanah yang lebih dari 6 ekar ke atas. Perkara ini berlaku kerana semasa menanam semula, mereka tidak mendapat sebarang pendapatan malah menambah perbelanjaan. Oleh kerana itu, pada kebiasanya mereka hanya menjalankan penanaman semula secara berperingkat untuk menjamin mereka masih boleh menoreh dan menanggung perbelanjaan penanaman semula. Dengan itu, mereka yang mempunyai tanah kurang dari 6 ekar sukar menjalankan penanaman semula kerana bantuan daripada kerajaan mahupun dalam bentuk pinjaman atau subsidi tetapi masih tidak dapat menanggung perbelanjaan keluarga.

Oleh demikian, semasa musim daun gugur, mereka menanam sayur-sayuran di tanah sewaan atau menjadi buruh kasar sementara. Oleh itu, pendapatan penoreh getah biasanya tidak tetap dan stabil. Di samping itu, hasil pendapatan yang didapati juga sedikit sahaja. Kesusahan hidup ini adalah lebih dirasai oleh mereka yang tidak bertanah atau bersaiz tanah yang kecil. Ini merupakan masalah paling asas yang dihadapi oleh penoreh getah.

Selain dari kekurangan tanah dan faktor alam semulajadi, pendapatan penoreh getah juga dipengaruhi oleh keadaan pasaran harga getah yang rendah dan tidak tetap. Masalah ini berlaku kerana harga getah di Malaysia sangat bergantung kepada harga di pasaran

dunia. Fakta ini memang tidak dapat dinafikan kerana ianya ada disentuh di dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) dan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990).

Di samping itu, negara-negara maju juga mengeluarkan dan menggunakan getah tiruan maka sudah tentu ini menjelaskan permintaan terhadap getah asli. Perangkaan 1983 menunjukkan Amerika Syarikat telah menggunakan 1,882.5 tan getah tiruan berbanding dengan getah asli cuma 665,0 tan sahaja yang digunakan. Keadaan ini membuktikan bahawa getah tiruan adalah lebih banyak digunakan dari getah asli.<sup>2</sup> Seterusnya stok penimbang yang dikuasai oleh Amerika Syarikat turut mempengaruhi keluaran dan pasaran getah asli dunia termasuk negara kita Malaysia selaku pengeluar utama getah asli. Menurut Khor Kok Peng (1983)<sup>3</sup> bahawa kemelesetan ekonomi dunia yang berpuncu di negara-negara industri itu memberi kesan ke atas ekspot Malaysia. Kejatuhan harga segala bahan-bahan ekspot utama adalah akibat dari kelemahan permintaan dari negara maju. Ini termasuk harga getah asli Malaysia. Misalnya harga RSS Gred 1 telah jatuh dari 312 sen sekilo pada tahun 1980 kepada 258 sen pada tahun 1981 dan 201 sen pada tahun 1982. Sehingga November 1985 harga tersebut telah jatuh lagi kepada 175 sen sekilo.<sup>4</sup> Pendikata, isirumah yang tidak bertanah atau mengerjakan tanah orang lain lebih merasai kesusahan yang timbul dari kejatuhan harga getah ini.

Pendapatan yang rendah mengakibatkan kemiskinan mereka.

#### 4.22 Peluang Pekerjaan Terhad

Apabila isirumah tidak bertanah atau bersaiz tanah yang kecil, terdapat ketua isirumah atau ahli-ahli isirumah lain telah menukar pekerjaan dari penoreh getah kepada buruh kasar untuk menambahkan pendapatan isirumah. Sebahagian dari mereka telah menerima pendapatan yang lebih dari garis kemiskinan. Sungguhpun demikian, masih terdapat 45.5% dari ketua isirumah yang miskin adalah terdiri dari buruh kasar. Masalah yang dihadapi oleh buruh kasar ini ialah tidak ada peluang pekerjaan yang cukup untuk mereka di sekitar kawasan tempat tinggal mereka. Keterbatasan peluang ditambah pula dengan masalah geografi di mana kawasan kajian ini adalah dalam kawasan pendalaman.

Peluang pekerjaan untuk buruh kasar kontrek terdapat di daerah Kuala Kangsar. Jika terdapat peluang pekerjaan, sebilangan penduduk di tempat kajian bekerja sebagai buruh kasar sementara di dalam kampong atau di sekitar kampong seperti di Padang Rengas. Pada kebiasaan mereka menjalankan kerja seperti membersihkan kebun getah, membaja dan menanam semula. Kadang-kala bekerja kepada pihak majikan estet misalnya membina asrama pekerja-pekerja estet atau memetik dan munggut buah-buah kelapa sawit. Jika peluang pekerjaan berkurangan, mereka ini pergi ke tempat yang lebih jauh

untuk bekerja. Tempat-tempat ini ialah Kuala Kangsar dan Singai Siput. Setiap hari mereka berulang-alik antara tempat kerja dan tempat tinggal. Implikasinya ialah ketua isirumah yang menjadi buruh kasar terpaksa bergerak dari tempat ke tempat apabila peluang pekerjaan berkurangan.

Jelas bahawa peluang pekerjaan buruh kasar adalah tidak tetap dan bermusim bagi buruh kasar di dalam kampung. Begitu juga pendapatan mereka. Kadar upah buruh kasar ialah \$15 sehari. Jika mereka bernasib baik dan bekerja selama 20 hari, pendapatan yang diterima ialah \$300.00 sebulan. Akan tetapi, oleh kerana kekurangan peluang pekerjaan, kadang-kala pendapatan yang diterima adalah kurang dari \$300.00 sebulan. Dengan itu, pendapatan mereka juga tidak tetap dan stabil malah rendah juga.

Sebagai seorang pekerja buruh kasar, pihak majikan biasanya mengupah pekerja yang mempunyai tenaga fizikal dan muda. Kalau yang berumur iaitu lebih dari 40 tahun mereka akan menghadapi persaingan yang hebat dari golongan muda. Bagi ketua isirumah yang sudah meningkat umur, peluang pekerjaan adalah terhad. Ini bermakna pendaptatan yang rendah dan seterusnya kemiskinan.

Sungguhpun antara isirumah yang miskin itu terdapat anak-anak yang bekerja di tempat lain. Akan tetapi kiriman wang dari mereka adalah terhad kerana

penglibatan dalam pekerjaan-pekerjaan (Jadual 4.3) yang membawa pendapatan mereka samada rendah atau tidak stabil. Anak-anak mereka itu perlu menanggung kehidupan sendiri seperti sewa, makanan, pakaian dan lain-lain lagi. Oleh itu, mereka jarang mengirim wang balik ke kampong.

Jelaslah bahawa faktor-faktor ini telah menyebabkan mereka hidup dalam keadaan serba kekurangan dan dikongkong dalam lingkangan kemiskinan. Golongan yang miskin ini, dengan pendapatan sebegini rendah, tidak mempunyai kemampuan untuk mendapatkan keperluan-keperluan asasi serta kemudahan-kemudahan hidup dengan secukup-cukupnya. Fenomena ini telah meninggal kesan-kesan negatif terhadap generasi muda dan generasi yang akan datang.

#### **4.3 KESAN-KESAN KEMISKINAN**

Keadaan kemiskinan di Kampong Cina Batu 17 telah membawa kesan-kesan ke atas penduduk-penduduk. Kesan-kesan kemiskinan termasuk taraf pencapaian pelajaran yang rendah, generasi muda mirgasi ke bandar, pengangguran dan berhutang.

##### **4.3.1 Taraf Pencapaian Pelajaran Yang Rendah**

Pada umumnya, taraf pencapaian pelajaran di tempat kajian ini amat rendah. Daripada Jadual 4.1, kelihatan bahawa penduduk-penduduk di tempat kajian hanya terdapat 3.2% yang berpelajaran menengah atas dan lebih tinggi,

kadar ini adalah amat rendah jika dibandingkan dengan kadar di seluruh Malaysia iaitu 13%. Perkara ini adalah di sebabkan apabila tamat sekolah rendah, semua murid-murid berumur 12 tahun keatas, beralih ke peringkat menengah rendah. Pelajaran selama tiga tahun di peringkat ini (Tingkat 1 hingga 3) menyediakan murid-murid bagi peperiksaan awam yang pertama untuk mendapat Sijil Rendah Pelajaran (S.R.P.), tetapi ramai daripada mereka tidak lulus dalam peperiksaan ini.

#### Jadual 4.1

**Taburan Peratus Penduduk-penduduk  
Mengikut Pencapaian Pelajaran Di Kampong  
Cina Batu 17, 1987 Dan Malaysia 1980.**

Pencapaian Pelajaran	Malaysia (%)	Kampong Batu 17 (%)
Tiada Bersekolah	25.0	24.6
Sekolah Rendah	44.0	31.7
Sekolah Menengah Rendah	18.0	40.4
Sekolah Menengah Atas Dan Lebih Tinggi	13.0	2.8
Jumlah	100.0	100.0

Sumber: 1. Banci Penduduk-penduduk Malaysia 1980 m.s. 90  
2. Data Kajian.

Mengapa mereka tercincir dari sekolah? Salah satu faktor utama ialah kampong ini terletak di kawasan pendalaman yang jauh dari sekolah yang terletak di Padang Rengas. Dengan itu, murid-murid terpaksa berulang-alik dari rumah ke sekolah dengan menunggang

basikal selama 30 minit sebelum sampai ke sekolah di Padang Rengas. Di mana bas sekolah hanya untuk murid-murid sekolah rendah sahaja. Oleh kerana itu, biasanya ibu-bapa tidak mengizinkan anak perempuan pergi ke sekolah lagi selepas tamat darjah 6 kerana ibu bapa memerlukan anak perempuan untuk menguruskan kerja rumah seperti menjaga adik, memasak dan lain-lain lagi .

Faktor kedua ialah kekurangan kesedaran ibu-bapa tentang kepentingan pelajaran terhadap masa depan anak mereka. Pada anggapan mereka, pekerjaan menoreh getah adalah merupakan pekerjaan traditional kepada mereka dan pekerjaan ini tidak memerlukan kelulusan akademik yang tinggi.

Di samping itu, anak lelaki yang masih belajar di sekolah menengah rendah hendak menolong ibu-bapa menoreh getah pada waktu cuti sekolah. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi atau menggalakkan mereka tidak menumpukan perhatian sepenuh terhadap pelajaran mereka. Dengan itu, apabila mereka menghadapi masalah dalam pelajaran atau tidak berminat untuk belajar lagi, mereka cuba mencari helah untuk berhenti dari sekolah dan ibu-bapa pula tidak menggalakkan mereka terus belajar kerana mereka memerlukan anak lelaki mereka bekerja untuk mengurangkan beban mereka.

Sungguhpun terdapat 3.2% yang mencapai taraf pelajaran menengah atas tetapi hanya terhad kepada di

peringkat tingkatan empat, lima dan enam rendah sahaja. Selama 37 tahun tinggal di sini, tidak terdapat seorang yang memasuki ke universiti malah maktab penguruan, politeknik dan sekolah vokesyenal.

Jelaslah bahawa kemiskinan telah meninggalkan kesan yang amat ketara terhadap pelajaran mereka terutama pada generasi muda akan datang.

#### **4.32 Migrasi**

Biasanya negara-negara membangun di Dunia Ketiga melibatkan penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu faktor menolak di luar bandar dan faktor menarik di bandar. Faktor-faktor menolak di luar bandar termasuk kekurangan tanah pertanian, hasil pengeluaran pertanian yang rendah dan peluang pekerjaan selain dari pertanian adalah terhad. Di sebaliknya faktor-faktor menarik di bandar ialah peluang jenis pekerjaan banyak, pendapatan lebih tinggi, terdapat kemudahan asas dan lain-lain lagi.

Peluang pekerjaan yang terhad di dalam kampong dan di sekitar kampong serta tekanan pertambahan penduduk telah menyebabkan penduduk-penduduk di tempat kajian migrasi ke bandar, khasnya di kalangan kelas bawaan di mana mereka tidak mempunyai tanah dan memiliki saiz keluarga yang besar.

Migrasi telah membawa akibat demografi yang penting serta kesan dan ekonomi terhadap kawasan-kawasan yang dituju dan tempat ditinggal. Selain dari kesannya yang nyata ke atas saiz penduduk kawasan-kawasan yang dituju dan tempat ditinggal. Migrasi mempengaruhi taburan umur penduduk di kawasan ini dan melalui ini terdapatlah pertambahan semulajadi dari kelahiran dan kematian. Ini adalah kerana orang yang lebih muda lebih cenderung berpindah daripada orang-orang yang lebih tua. Dari jumlah migrant sebanyak 67 orang dari kampong ini, terdapat 79.1% di bawah 30 tahun dan 20.9% ialah di antara 31 tahun hingga 36 tahun. Jadinya kawasan yang mereka tinggalkan kehilangan bakal-bakal ibu bapa sementara kawasan-kawasan ke mana yang mereka berpindah itu mendapat pertambahan dari segi migran dan anak-anak mereka di masa depan.

Tambahan pula, migrasi dari luar bandar ke bandar telah menyebabkan kesesakan penduduk di bandar dan di Kampong Batu 17 telah mengurang tenaga buruh yang aktif.

Jadual 4.2 menujukkan aliran migrasi ke tempat destinasi. Memandangkan lokasi secara umumnya terletak di dalam sempadan-sempadan daerah dan negeri. Ramai daripada mereka adalah menumpu di Kuala Lumpur, Ipoh, Kuala Kangsar dan Taiping. Ini adalah berkaitaan dengan peluang jenis pekerjaan yang diperolehi tempat-tempat tersebut serta dipengaruhi oleh saudara-mara dan

sahabat - handai dengan membekal tempat tinggal sementara.

#### Jadual 4.2

**Migrant Keluar di Kampong Batu 17 ke Tempat-tempat Desnatasian 1987**

<b>Tempat Destinasi</b>	<b>Bilangan Migrant</b>	<b>Peratus</b>
Kuala Lumpur	35	52.2
Ipoh	13	19.4
Kuala Kangsar	7	10.4
Taiping	5	7.5
Singapura	3	4.5
Pahang	2	3.0
Negeri Sembilan	1	1.5
Sabah	1	1.5
Jumlah	67	100.0

Sumber : Data Kajian

Jadual 4.3 menunjukkan ramai daripada migrant ini menyertai jenis pekerjaan kolar biru. Perkara ini disebabkan mereka tidak mendapat tingkat pelajaran formal yang tinggi dan kekurangan latihan kemahiran yang mereka terima. Salah satu ciri utama pekerjaan kolar biru ialah pendapatan rendah dan tidak stabil, oleh kerana itu mereka jarang mengirim wang kepada ibu bapa mereka yang berada di kampong. Ini bermakna mereka bukan merupakan sumbangan yang besar terhadap sumber pendapatan kepada isirumah.

Jadual 4.3

**Jenis Pekerjaan Yang DiPerolehi Migrant Dari Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas**

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus
Pekerja bina	11	16.4
Suri rumahtangga	11	16.4
Pelayan restauran	9	13.4
Pekerja dandan rambut	5	7.5
Pekerja baiki kereta	5	7.5
Buruh Kasar	12	17.9
Pekerja kilang	10	14.9
Penanam sayur	4	6.0
Jumlah	67	100.0

Sumber : Data Kajian

#### 4.33 Pengangguran

Kadar pengangguran di dalam kampong ini ialah 13.7%,<sup>5</sup> angka ini menunjukkan kadar pengangguran di tempat kajian amat tinggi jika dibanding dengan keseluruhan Malaysia iaitu 9.2% pada tahun 1986.<sup>6</sup> Faktor-faktor yang menyebabkan mereka menganggur adalah berikut:

Pertama, dipengaruhi oleh kemelestan ekonomi dunia, dimana harga bahan-bahan mentah jatuh dan permintaan juga berkurangan. Sebagai seorang buruh kasar atau pekerja kolar biru merupakan mangsa pertama dalam ekonomierosot kerana kebanyakannya kilang telah tertutup.

Kedua, tingkat pelajaran yang terhad yang diterima oleh penduduk-penduduk di kampong ini menyebabkan mereka sukar mencari pekerjaan yang lain. Hal ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang menyebutkan semakin tinggi pelajaran semakin baiklah peluang untuk mendapat pekerjaan.<sup>7</sup>

Ketiga, kekurangan tanah untuk menanam dan peluang pekerjaan disekitar kampong terhad juga menyebabkan mereka menganggur. Sejak kemerdekaan kerajaan negeri mengambil tindakan keras terhadap penanam secara haram. Dengan itu, mereka menghadapi masalah kekurangan tanah untuk menanam dan tempoh masa pekerjaan untuk buruh kasar biasanya merupakan jangkamasa pendek sahaja.

Memandang kadar pengangguran yang tinggi di kampong ini, tidak hairanlah mereka hidup di bawah garis kemiskinan dan serba kekurangan.

#### **4.34 Berhutang**

Terdapat 47.5% isirumah di Kampong Cina Batu 17 yang berhutang. Perkara ini adalah berpunca daripada sifat penoreh getah dan buruh kasar yang bermusim itu, pekerja-pekerja tersebut terpaksa meminjam atau mengambil barang-barang keperluan dari kedai runcit dengan cara berhutang semasa gugur daun pokok getah dan menganggur.

Jadual 4.4 menunjukkan jumlah dan kadar berhutang kepada kedai runcit. Sungguhpun jumlah yang berhutang bukan merupakan angka yang besar tetapi ini mengimpikasi bahawa sumber pendapatan yang mereka terima tidak mencukupi untuk menanggung perbelanjaan keluarga terutama semasa mereka tidak ada pekerjaan. Selain daripada itu, mereka juga tidak mempunyai simpanan untuk masa depan dan masa kecemasan.

**Jadual 4.4**

**Jumlah Hutang dan Peratus Isirumah Yang Berhutang Kepada Kedai Runcit Di Kampong Batu 17, Padang Rengas 1987**

Jumlah Ringgit	Peratus
0	52.5
1 - 50	5.0
51 - 100	17.5
101 - 150	5.0
151 - 200	17.5
200 ke atas	2.5
Jumlah	100.0

Sumber : Data Kajian

#### **4.4 KESIMPULAN**

Sebab-sebab kemiskinan yang diterangkan di atas telah menyebabkan mereka hidup di bawah garis kemiskinan dan dalam keadaan kesesekan hidup serta serba kekurangan sehingga hari ini. Bukan begitu sahaja, ia telah meninggalkan kesan-kesan negatif terhadap generasi muda akan datang.

**Nota Kaki :**

<sup>1</sup>Malaysia, Rancangan Malaysia Kelima, 1986, m.s.98.

<sup>2</sup>Malaysia, Laporan Perangkaan 1983.

<sup>3</sup>Khor Kok Peng, The Malaysian Economic Structures and Dependence, Kuala Lumpur 1983.

<sup>4</sup>Berita Harian 1.1.1986.

<sup>5</sup>Kadar pengangguran adalah dikira berdasarkan formula berikut:-

$$\text{Kadar Pengangguran} = \frac{\text{Bilangan Penganggur}}{\text{Bilangan Tenaga Buruh}} \times 100$$
$$= \frac{16}{117} \times 100$$
$$= 13.7\%$$

Sumber : Malaysia, Bulletin Perangkaan Sosial, 1981, m.s. 5.

<sup>6</sup>Malaysia, Op. Cit., 1986, m.s. 116.

<sup>7</sup>Kementerian Pelajaran Malaysia, Kajian Keciciran 1973. m.s. 7.

## BAB KELIMA

### KESIMPULAN

Bab ini mengaitkan hasil kajian dengan teori-teori kemiskinan dan seterusnya membincangkan implikasi kajian dalam usaha ke arah pembasmian kemiskinan di negara kita.

Tidak semua teori yang dikemukakan dalam bab satu dapat menerangkan kemiskinan di kalangan orang Cina di Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas. Hasil kajian tidak menyokong teori personaliti dan kebudayaan dalam penerangan sebab-sebab kemiskinan. Ini adalah kerana penduduk-penduduk di tempat kajian didapati rajin bekerja dan tidak malas. Sungguhpun mereka rajin bekerja tetapi oleh kerana tidak bertanah atau tidak ada peluang pekerjaan yang cukup, maka pendapatan mereka adalah rendah.

Sungguhpun demikian, teori-teori kekurangan teknologi dan kapital, penambahan penduduk dan ketidaksamaan ekonomi dan sosial adalah saling kait-mengait dalam menerangkan kemiskinan di kalangan penduduk Kampong Cina Batu 17.

Hasil kajian menunjukkan bahawa antara isirumah-isirumah yang miskin ialah ketua isirumah yang menjadi penoreh getah yang memiliki saiz tanah yang kecil atau tidak bertanah dan mereka yang menjadi buruh kasar. Mereka ini menerima pendapatan yang rendah. Penoreh

getah yang tidak memiliki tanah terpaksa mengerja tanah orang lain. Oleh itu, hasil keluaran adalah dibahagi dalam nisbah 5 : 5, iaitu tuan tanah mengambil setengah dari hasil keluaran. Buruh kasar menerima pendapatan rendah kerana peluang pekerjaan tidak mencukupi. Di sebaliknya isirumah yang memiliki sazi tanah yang luas atau mendapat peluang pekerjaan yang lebih banyak adalah tidak miskin. Keadaan ini menyokong teori ketidaksamaan ekonomi dan sosial yang menerangkan kemiskinan.

Modal akan terkumpul jika penduduk-penduduk di tempat kajian mempunyai pendapatan yang berlebihan dari keperluan hidup sehari-hari. Nyatakan bahawa terdapat 32.5% dari komuniti ini hidup di bawah garis kemiskinan. Oleh itu, golongan yang dapat menyimpan adalah sangat terbatas. Mereka yang bermodal adalah lapisan atas dalam masyarakat kampong, yang lebih berada atau senang hidupnya dibandingkan dengan bahagian terbesar dari orang-orang yang diam di kampong itu.

Nyatakan sekali, semakin golongan yang berpendapatan kecil, semakin sulitlah bagi mereka nengumpulkan modal dan menikmati keuntungan dari pengetahuan teknologi moden. Dalam lain perkataan, golongan ini tidak kemampuan untuk membeli baja, benih, alat atau jentera yang baru serta effisien. Dengan itu, tidak hairanlah dari 22 orang yang memiliki kebun getah

hanya terdapat 2 orang sahaja yang menanam semula.

Oleh itu, teori kekurangan modal dan teknologi dalam menerangkan kemiskinan juga dapat dilihat di dalam kajian ini. Kekurangan ini mengakibatkan daya pengeluaran yang rendah, seterusnya pendapatan kecil dan tidak mempunyai simpanan serta menyebabkan tidak ada pelaburan. Keadaan ini menyebabkan golongan yang kurang mampu masih terkongkong dan akan seterusnya dikongkong dakam lingkaran kemiskinan.

Dalam keadaan kekurangan tanah dan peluang pekerjaan, isirumah yang bersaiz besar adalah cenderung berada dalam kemiskinan di bandingkan dengan isirumah yang bersaiz kecil. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan isirumah-isirumah yang miskin adalah yang bersaiz besar juga merupakan mereka yang tidak bertanah, memiliki saiz tanah yang kecil. Sungguhpun demikian, adalah didapati bahawa antara isirumah yang bersaiz besar tetapi mereka tidak miskin. Ini disebabkan isirumah-isirumah tersebut memiliki tanah atau ketua isirumah tidak mendapat peluang pekerjaan yang cukup. Begitu juga, terdapat isirumah yang bersaiz kecil tetapi masih miskin. Keadaan ini timbul kerana mereka tidak bertanah atau tidak dapat peluang pekerjaan yang cukup. Maka, keadaan ini menunjukkan teori penambahan penduduk hanya separuh benar dalam menerangkan kemiskinan di kalangan penduduk Kampong Cina Batu 17.

Implikasi dari hasil kajian ialah bahawa kerajaan harus mengadakan rancangan samada memberikan mereka tanah atau mengujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak. Pelaksanaan program pertanian secara berkelompok dan program perbandaran kawasan-kawasan luar bandar akan membantu meningkatkan produktiviti dan keluaran isirumah di kawasan luar bandar. Di samping itu, isirumah yang tidak mempunyai tanah dan yang mempunyai saiz kebun yang tidak ekonomik harus ditempatkan semula di skim-skim pembangunan tanah.

Selain dari itu, kerajaan juga boleh mengujudkan peluang pekerjaan dengan menggalakkan pelaburan perindustrian di kawasan luar bandar. Dengan adanya kilang-kilang di luar bandar, peduduk-penduduk akan dapat menikmati lebih banyak peluang pekerjaan jangka panjang dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka. Dengan cara-cara inilah maka matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membasmikan kemiskiaan tanpa mengira kaum akan tercapai.

## Lampiran I: Soal Selidik

BANCI SOSIO-EKONOMI PENDUDUK-PENDUDUK DI KAMPONG CINA BATU 17,  
PADANG RENGAS, PERAK, MAY-JUN, 1987

## 1. Ciri-ciri Demografik

## 2. Pola pekerjaan dan pendapatan

Nyatakan kategori kerja anda.

**Lain-lain Pendapatan**

Jenis	Jumlah Setahun (\$)
<b>Tunai</b>	
Tani (1)	
Sewa (2)	
harta lain (3)	
kiriman (4)	
lain-lain (5)	

**Bukan Tunai**

Jenis	Jumlah setahun (\$)
Subsidi (1)	
hadiah (2)	
tempat tinggal (3)	
makanan sdri (4)	
lain-lain (5)	

**3. Pola Pemilikan Tanah**

Ekar	Diperuntukkan oleh Kerajann/ Membeli/warisan/dll	Jenis Tanaman

**4. Simpanan, Pinjaman dan Hutang Pada Tahun Yang Lalu**

Simpanan C\$)	Pinjaman (\$)	Hutang (\$)

**Kadar bunga**

**Cara hutang**

**Sebab hutang**

**Hutang siapa**

## KOD SOAL SELIDIK

Jantina

-----  
1 = lelaki  
2 = perempuan

Hubungan dengan ketua isirumah

-----  
01 = ketua isirumah  
02 = isteri  
03 = suami  
04 = anak lelaki  
05 = anak perempuan  
06 = datuk  
07 = nenek  
08 = pakcik  
09 = makcik  
10 = abang  
11 = kakak  
12 = adik lelaki  
13 = adik perempuan  
14 = lain-lain

Taraf perkahwinan

-----  
1 = bujang  
2 = kahwin  
3 = cerai

Tempat tinggal

-----  
1 = dalam kampung  
2 = di luar kampung

Taraf pendidikan

-----  
00 = tidak bersekolah  
01 = pendidikan informal  
02 = darjah 1  
03 = darjah 2  
04 = darjah 3  
05 = darjah 4  
06 = darjah 5  
07 = darjah 6  
08 = peralihan  
09 = tingkatan 1  
10 = tingkatan 2  
11 = tingkatan 3  
12 = tingkatan 4  
13 = tingkatan 5  
14 = tingkatan 6 rendah  
15 = tingkatan 6 atas  
16 = universiti  
17 = kolej dan maktab

Jenis pekerjaan

---

01 = penoreh getah  
02 = buruh kasar  
03 = penanam sayur  
04 = kerani  
05 = pekerja bina  
06 = pelayan restoran  
07 = pekerja dandan rambut  
08 = pekerja baiki kereta  
09 = pekerja kilang  
10 = suri rumah tangga  
11 = pesara  
12 = pelajar  
13 = penganggur  
99 = tidak berkenaan

Status pekerjaan

---

1 = pekerja sendiri  
2 = pekerja  
3 = pekerja tanpa gaji  
4 = pencen  
5 = menganggur  
6 = pelajar  
7 = surirumah tangga

Tempat kerja

---

01 = dalam kampong  
02 = Padang Rengas  
03 = Ipoh  
04 = Kuala Kangsar  
05 = Taiping  
06 = Pahang  
07 = Negeri Sembilan  
08 = Sabah  
09 = Kuala Lumpur  
10 = Singapore

Lain-lain pendapatan tunai

---

01 = hasil pertanian  
02 = sewa  
03 = hasil dari harta lain  
04 = kiriman dari anak-anak yang bekerja di tempat lain  
05 = lain-lain tunai

Pendapatan bukan tunai

---

01 = subsidi kerajaan  
02 = hadiah barang  
03 = tempat tinggal  
04 = makanan yang dihasilkan sendiri

## Jenis tanaman Pengiruan Garis Kelelawar

01 = getah x amiskinan ini dicapai setelah  
02 = kelapa sawit  
03 = lain-lain

Jenis tanah rumah yang diperlukan pada April 1987. Dua sumber analisis

**01 = TOL** mengikut seliahan diberikan oleh Jabatan Perangkaan,  
**02 = Geran tetap** .  
**03 = Tanah estet** menggunakan tahun 1967 dan setu lagi  
menggunakan tahun 1980 sebagai asas. Kedua-dua senarai  
ini ditunjukkan seperti di bawah ini.

**Lampiran II:**  
**Pengiraan Garis Kemiskinan**

Garis kemiskinan ini dicapai setelah mengambilkira perubahan dalam angka tunjuk pengguna dari tahun 1970 hingga April 1987. Dua senarai angka tunjuk pengguna telah diberikan oleh Jabatan Perangkaan, di mana satu menggunakan tahun 1967 dan satu lagi menggunakan tahun 1980 sebagai asas. Kedua-dua senarai ini ditunjukkan seperti di bawah ini.

**1. Senarai angka tunjuk pengguna (1967 = 100)**

Tahun	Jumlah angka tunjuk pengguna
1967	100.0
1968	99.8
1969	99.4
1970	101.3
1971	102.9
1972	106.2
1973	117.4
1974	137.8
1975	144.0
1976	147.8
1977	154.8
1978	162.4
1979	168.3
1980	179.5

**2. Senarai angka tunjuk pengguna (1980 = 100)**

1980	100.0
1981	109.7
1982	116.1
1983	120.4
1984	125.1
1987 (April)	127.3

Sumber: Malaysia, Monthly Statistical Bulletin of West Malaysia, berbagai jilid.

Berdasarkan senarai-senarai angka tunjuk pengguna di atas, pencapaian garis kemiskinan \$33 per kapita seisirumah yang digunakan oleh Anand adalah \$75 per

kapita seisirumah. Proses pertukaran adalah seperti berikut.

#### Garis Kemiskinan

---

Berdasarkan maklumat di dalam senarai angka tunjuk pertama

Pada angka tunjuk pengguna 1970 = 101.3, garis kemiskinan ialah \$33 per kapita seisirumah

Pada angka tunjuk pengguna 1967 = 100,

$$\text{Garis kemiskinan untuk tahun 1967 ialah} = \frac{33}{101.3} \times 100 \\ = \$32.60$$

Pada angka tunjuk pengguna 1980=179.5

$$\text{Garis kemiskinan ialah} = \frac{32.60}{100} \times 179.5 \\ = \$58.50$$

Berdasarkan maklumat dalam senarai kedua angka tunjuk pengguna

pada angka pengguna 1980=100, garis kemiskinan ialah = \$58.50

Pada angka tunjuk pengguna April 1987 = 127.3

$$\begin{aligned} \text{Garis kemiskinan ialah} &= \frac{58.5}{100} \times 127.3 \\ &= \$74.47 \text{ per kapit seisirumah} \end{aligned}$$

Lampiran III

Profail Kemiskinan Di Kalangan Isirumah Pada  
Garis Kemiskinan \$75 Per Kapita Seisirumah,  
Kampong Cina Batu 17, Padang Rengas, 1987

Ciri-ciri isirumah terpilih	Peratusan pengagihan semua isirumah	Peratusan pengagihan di kalangan isirumah miskin	Peratusan pengagihan isirumah tidak miskin	Kadar miskin (%)
<hr/>				
Semua isirumah	100.0	100.0	100.0	32.5
Pemilikan tanah				
0	45.0	53.8	40.7	38.9
1 - 3	25.0	46.2	14.8	40.0
3.1 - 6	10.0	0.0	14.8	0.0
> 6	20.0	0.0	29.6	0.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	
Jantina ketua isirumah				
Lelaki	90.0	84.6	92.6	30.5
Perempuan	10.0	15.4	7.4	50.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	
Umur ketua isirumah				
30-39	15.0	23.1	11.1	50.0
40-49	47.5	30.8	55.5	21.1
50-59	25.0	23.1	25.9	30.0
60-69	7.5	15.4	3.7	66.7
70+	5.0	7.7	3.7	50.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	
Pendidikan tertinggi ketua isirumah				
Tidak bersekolah	50.0	53.8	48.2	35.0
Sekolah rendah	35.0	15.4	44.4	14.3
Sekolah menengah rendah	15.0	30.8	7.4	66.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	

Sambungan...

Ciri-ciri isirumah terpilih	Peratusan semua isirumah	Peratusan di kalangan isirumah miskin	Peratusan pengagihan tidak miskin	Kadar miskin (%)
<hr/>				
Status kerja ketua isirumah				
Pekerja sendiri	40.0	23.1	48.1	18.8
Pekerja	55.0	61.5	51.9	36.4
Pesara	5.0	15.4	0.0	100.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	
Jenis pekerjaan ketua isirumah yang bekerja				
Penoreh getah	63.2	54.5	66.7	25.0
Buruh kasar	36.8	45.5	33.3	35.7
Jumlah	100.0	100.0	100.0	
Saiz isirumah				
1	10.0	7.7	11.1	25.0
2	12.5	7.7	14.8	20.0
3	5.0	0.0	7.4	0.0
4	20.0	23.1	18.5	37.5
5	10.0	7.7	11.1	25.0
6	10.0	7.7	11.1	25.0
7	22.5	30.8	18.5	44.4
8	5.0	15.4	0.0	100.0
9	2.5	0.0	3.7	0.0
10	0.0	0.0	0.0	0.0
10+	2.5	0.0	3.7	0.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	
Bilangan ahli yang terima pendapatan				
0	2.5	7.7	0.0	100.0
1	67.5	61.5	70.4	29.6
2	25.0	23.1	25.9	30.0
3	5.0	7.7	3.7	50.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	

Sumber: Data kajian.

## RUJUKAN

### Buku-buku dan Laporan

- Alang Perang Zainuddin, dan lain-lain,  
Marine Fishing Communities: A Baseline Study of Two East Coast Villages in Peninsular Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia: Center for Extension and Continuing Education, A Report, 1980.
- Anand, S.,  
Inequality and Poverty in Malaysia, A World Bank Research Publication, Oxford University Press, 1983.
- Aziz, U.A.,  
Jerjak-jerjak Di Pantai Zaman, Kuala Lumpur: Univeristy of Palaya Press, 1975.
- Chean Boon Kheng,  
The Masked Comrade, Times Distribution, 1979.
- Cheng Lim Keak,  
Mengkuang: A Study of a Chinese New Village in West Malaysia, Singapore: Nanyang University, Institute of Humanities and Social Sciences, Research Project Series, No. 1, 1976.
- Chan Lean Heng,  
The Jetty Dwellers of Penang: Incorporation and Marginalisation of An Urban Clan Community, M.A. Thesis, Universiti Sains Malaysia, 1980.
- Husin Ali, S.  
Malay Peasant Society and Leadership, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.
- Jackson D.,  
Poverty, MacMillan : New York, 1972.
- Khor Kok Peng,  
The Malaysian Economic Structures and Dependence, Kuala Lumpur 1983.

Meir, G. dan Baldwin, R.E.  
ECONOMIC DEVELOPMENT, PRESERVATION, HISTORY AND POLICY,  
NEW YORK: Robert D. Krieger Publishing Company,  
1975.

Robinson, P.J.B.,  
Transformation of Malaya, London, 1956.

Swift, M.G.,  
Malay Peasant Society in Jelebu, London School of  
Economics, Monograph on Social Anthropology, 1965.

Wilson, P.J.  
A Malay Peasant Village in Malaysia, Social Values  
and Rural Development, New Haven, 1966.

#### **Artikel-artikel dan Kertas Seminar**

Higgins, B.  
"The Dualistic Theory of Underdevelopment Areas",  
dalam G.M. Mier (ed.), Leading Issues in  
Development Economics, New York: Oxford University  
Press, 1970, m.s. 128-138.

Husin Ali, S.,  
"Land Concentration and Poverty Among the Rural  
Malays", Nusantara, Vol. 1., 1972 m.s. 100-113.

Husin Ali, S.  
"Poverty: Social and Political Dimensions", kertas  
kerja yang dibentangkan di ISIS First National  
Conference On Poverty, Kuala Lumpur, 1986.

Kamal Salih,  
Konsep, Definisi dan Pengukuran Kemiskinan, dalam  
seminar kemiskinan luar bandar, Alor Setar, 1983.

Lim Teck Ghee dan lain-lain,  
"Accumulation of Padi Land in the Muda Region: Some  
Findings and Thoughts On Their Implications for  
Peasantry and Development", Akademika, Vol. 20 dan  
21, 1982, m.s. 263-325.

Parkinson, B.K.,  
"Non-Economic Factors in Economic Retardation of the Rural Malays", Modern Asian Studies, London, Vol.1 No.1 1973.

Sandhu, K.S.,  
"Emergency Resettlement in Malaya", Journal of Tropical Geography, 1964, m.s.157-183.

Singer, H.W.,  
"The Mechanics of Economic Development" dalam A.N. Agarwala dan S.P. Singh (eds.), The Economics of Development, London: Oxford University Press, 1958, m.s. 381-399.

### Latihan Ilmiah dan Tesis

Abu Asmara Mohamed,  
Inequality and Poverty Among Rubber Smallholders in Malaysia, Ph. D. Thesis, University of Kent, 1982.

Awang Kechik Ahmad,  
Kemiskinan asas. (satu kajian di Kampong Alor Serdang, Mukim Salu Kechil, Kedah)., Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., 1985/86.

Hittayatullah Bin Haji Hassan,  
Kemiskinan di Kalangan Petani Dan Belia.(satu kajian kes di Kampong Baharu Batu 28, Laga, Muar) , Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., 1985/86

Ishak Shari,  
Perubahan Ekonomi Kelantan dan Ketidaksamaan Dalam Masyarakat Melayu Perupok, Tesis Falsafah Kedoktoran, Universiti Malaya, 1985.

Kamaruddin Mahd. Said,  
Struktur Pemilikan Tanah dan Kemiskinan Masyarakat Tani di Kelantan, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., 1974/75.

Md. Muzahet Hj. Musruri,  
Kedudukan Sosio-ekonomi Petani-petani Padi di Kampong Sungai Balang Muar. (satu kajian mengenai kemiskinan), Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., 1976/77.

Rabindra, D.R.,  
A Socio-economic Study of Indians in the Rubber and Oil Palm Estates of Perak and Selangor, M.A. Thesis, Universiti of Malaya, 1978.

Salehuddin Bahuri,  
Poverty in the Rural Malay Society : A Test of Psychological and Cultural Explanations of Poverty, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., 1975/76.

Selmiah Hasin,  
Kemiskinan di Kuala Perlis. (satu tinjauan dari segi Culture of Poverty), Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., 1976/77.

Wan Kadir Wan Deraman,  
Kemiskinan Tanah di kalangan Petani, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., 1973/74.

Yusuff Suratman,  
Kemiskinan Di Kalangan Orang Melayu di Bandar: Satu Kajian Kes Setinggan Di Bandar Johor Baru, M.A. Thesis, Universiti Malaya.

Zaiton Bt. Din,  
Kemiskinan di Kalangan Penoreh Getah. ( satu kajian kes di Kampong Batu Melintang Tapak, Perak), Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, U.M., 1985/86.

#### Dokumen-dokumen Kerajaan

Kementerian Pelajaran Malaysia,  
Kajian Keciciran 1973.

Malaysia,  
Rancangan Malaysia Pertama, 1965.

Rancagan Malaysia Kedua, 1970.

Mid-term Revies of Second Malaysia Plan, 1977.

Bulletin Perangkaan Sosial, 1981.

Rancagan Malaysia Ketiga, 1981.

Banci Penduduk dan Perumahan 1980, 1983.

Laporan Perangkaan 1983.

Rancangan Malaysia Kelima, 1986.

### **Surat Khabar**

Berita Harian 1.1.1986.